

Bil. S 39

**AKTA CUKAI PENDAPATAN  
(PENGGAL 35)**

**PERINTAH CUKAI PENDAPATAN  
(PELEPASAN CUKAI DUA KALI) (BAHRAIN), 2008**

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh ceraiian (1) bab 41 dari Akta Cukai Pendapatan (Penggala 35) bahawa jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan perintah mengisytiharkan bahawa penyusunan yang dinyatakan dalam perintah itu telah dibuat dengan Kerajaan mana-mana wilayah di luar Negara Brunei Darussalam dengan tujuan untuk memberi pelepasan cukai dua kali berhubung dengan cukai di bawah Akta tersebut dan sebarang cukai yang sama jenisnya yang dikenakan oleh undang-undang wilayah tersebut, dan bahawa adalah mustahak supaya penyusunan tersebut berkuatkuasa, penyusunan tersebut hendaklah berkuatkuasa berhubung dengan cukai di bawah akta tersebut dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam sebarang undang-undang bertulis.

DAN BAHAWASANYA dengan suatu Perjanjian bertarikh 14 Januari, 2008 di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan the Kingdom of Bahrain, penyusunan telah dibuat antara lain bagi pelepasan cukai dua kali.

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA adalah dengan ini diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat —

(a) bahawa penyusunan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat dengan Kerajaan the Kingdom of Bahrain; dan

(b) bahawa adalah mustahak supaya penyusunan tersebut berkuatkuasa dengan tidak menghiraukan sebarang apapun dalam sebarang undang-undang bertulis.

## JADUAL

### PENYUSUNAN YANG DIBUAT DENGAN KERAJAAN THE KINGDOM OF BAHRAIN

#### Perkara 1

#### ORANG-ORANG YANG DILIPUTI

Perjanjian ini hendaklah dikenakan kepada orang-orang yang menjadi pemastautin di salah satu atau kedua-dua Negara Pejanji.

#### Perkara 2

#### CUKAI-CUKAI YANG DILIPUTI

1. Perjanjian ini hendaklah dikenakan kepada cukai-cukai ke atas pendapatan dan ke atas modal yang dikenakan bagi pihak suatu Negara Pejanji atau subbahagian politik atau pihak-pihak berkuasa tempatannya, tanpa mengira cara bagaimana cukai-cukai itu dilevi.
2. Maka hendaklah dianggap sebagai cukai-cukai ke atas pendapatan dan ke atas modal semua cukai yang dikenakan ke atas jumlah pendapatan, ke atas jumlah modal, atau ke atas elemen-elemen pendapatan atau modal termasuk cukai-cukai ke atas laba dari pemberian milik harta alih atau harta tak alih, cukai-cukai ke atas jumlah amaun upah atau gaji yang dibayar oleh perusahaan-perusahaan, dan juga cukai-cukai ke atas naik nilai modal.
3. Cukai-cukai sedia ada yang dikenakan Perjanjian ini adalah terutamanya —
  - (a) dalam hal Negara Brunei Darussalam —
    - (i) cukai pendapatan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Pendapatan (Penggaj 35); dan
    - (ii) cukai keuntungan petroleum yang dikenakan di bawah Akta Cukai Pendapatan (Petroleum) (Penggaj 119)(selepas ini disebut sebagai "cukai Negara Brunei Darussalam"); dan
  - (b) dalam hal Bahrain cukai pendapatan yang kena dibayar di bawah Dekri Amiri Bil. 22 tahun 1979  
(selepas ini disebut sebagai "cukai Bahrain").

4. Perjanjian ini hendaklah juga dikenakan kepada sebarang cukai yang sama atau pada keseluruhannya serupa yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau bagi menggantikan, cukai-cukai sedia ada. Pihak-pihak berkuasa yang layak di Negara-Negara Pejanji hendaklah memberitahu antara satu sama lain tentang sebarang perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang cukai mereka masing-masing dalam tempoh masa yang munasabah.

### Perkara 3

#### TAKRIFAN AM

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

- (a) (i) perkataan "Negara Brunei Darussalam" bermakna wilayah Negara Brunei Darussalam termasuk laut wilayahnya, sehingga meliputi ruang udara di atas wilayah tersebut, yang ke atasnya Negara Brunei Darussalam menjalankan kedaulatan, dan kawasan maritim yang melimpasi laut wilayahnya, termasuk dasar laut dan tanah bawah, yang telah atau mungkin selepas ini ditetapkan di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam, yang ke atasnya Negara Brunei Darussalam menjalankan hak kedaulatan dan bidang kuasa menurut undang-undang antarabangsa;
- (ii) perkataan "Bahrain" bermakna wilayah the Kingdom of Bahrain dan juga kawasan maritim, dasar laut dan tanah bawah yang ke atasnya Bahrain menjalankan, menurut undang-undang antarabangsa, hak kedaulatan dan bidang kuasa;
- (b) perkataan "syarikat" bermakna mana-mana badan korporat atau mana-mana entiti yang diperbadankan atau diiktiraf di bawah undang-undang salah satu Negara Pejanji atau yang disifatkan sebagai suatu badan korporat bagi maksud-maksud cukai;
- (c) Perkataan "pihak berkuasa yang layak" bermakna —
  - (i) dalam hal Negara Brunei Darussalam, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa; dan
  - (ii) dalam hal Bahrain, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa;
- (d) perkataan-perkataan "suatu Negara Pejanji" dan "Negara Pejanji yang satu lagi" bermakna Negara Brunei Darussalam atau Bahrain mengikut kehendak konteksnya;

(e) perkataan-perkataan "perusahaan suatu Negara Pejanji" dan "perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi" masing-masing bermakna suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dan suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi;

(f) perkataan "lalulintas antarabangsa" bermakna sebarang pengangkutan dengan sesebuah kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh suatu perusahaan yang mempunyai tempat pengurusannya yang berkesan di suatu Negara Pejanji, kecuali apabila kapal atau pesawat udara itu dikendalikan hanya antara tempat-tempat di Negara Pejanji yang satu lagi;

(g) perkataan "rakyat" bermakna –

(i) mana-mana individu yang memiliki kerakyatan suatu Negara Pejanji di bawah undang-undang yang dikenakan di Negara Pejanji itu;

(ii) mana-mana orang di sisi undang-undang, perkongsian atau persatuan yang memperolehi tarafnya yang sedemikian itu dari undang-undang yang berkuatkuasa di suatu Negara Pejanji;

(h) perkataan "orang" termasuk individu, syarikat dan mana-mana kumpulan orang lain;

(i) perkataan "cukai" bermakna cukai Negara Brunei Darussalam atau cukai Bahrain, mengikut kehendak konteksnya;

2. Berhubung dengan pengenaan Perjanjian ini pada bila-bila masa oleh suatu Negara Pejanji, sebarang perkataan yang tidak ditakrifkan di dalamnya hendaklah, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, mempunyai makna yang dipunyainya pada masa itu di bawah undang-undang Negara Pejanji itu bagi maksud-maksud cukai yang dikenakan Perjanjian ini, apa-apa makna di bawah undang-undang cukai yang dikenakan di Negara Pejanji itu mengatasi sesuatu makna yang diberikan kepada perkataan itu di bawah undang-undang lain Negara Pejanji itu.

#### Perkara 4

#### PEMASTAUTIN

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, perkataan "pemastautin suatu Negara Pejanji" bermakna mana-mana orang yang, di bawah undang-undang Negara Pejanji itu, berdomisil atau bermastautin di, merupakan seorang warganegara, atau mempunyai tempat pemerbadanan atau pengurusannya di dalam Negara Pejanji itu atau boleh dikenakan cukai di dalamnya oleh kerana domisilnya, tempat kediamannya, tempat pengurusannya atau sebarang kriteria lain yang

serupa, dan juga termasuk Negara Pejanji itu dan mana-mana subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya. Perkataan ini, walau bagaimanapun, tidak termasuk mana-mana orang yang boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji itu hanya berkaitan dengan pendapatan dari sumber-sumber di Negara Pejanji itu atau modal yang terletak di dalamnya.

2. Jika kerana peruntukan-peruntukan perenggan 1 seseorang individu menjadi pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka tarafnya hendaklah ditentukan seperti berikut –

(a) Dia hendaklah dianggap hanya sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia untuknya; jika dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia untuknya di kedua-dua Negara Pejanji, dia hendaklah dianggap hanya sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana hubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (tumpuan kepentingan yang utama);

(b) Jika Negara Pejanji di mana dia mempunyai tumpuan kepentingan yang utamanya tidak dapat ditentukan, atau jika dia tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia untuknya di salah satu Negara Pejanji, dia hendaklah dianggap hanya sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;

(c) Jika dia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara Pejanji atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di salah satu Negara Pejanji, dia hendaklah dianggap hanya sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana dia adalah rakyatnya;

(d) Jika dia menjadi rakyat kedua-dua Negara Pejanji atau bukan rakyat salah satu Negara Pejanji, pihak-pihak berkuasa yang layak di Negara-Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan persoalan tersebut dengan persetujuan bersama.

3. Jika kerana peruntukan-peruntukan perenggan 1 seseorang selain daripada seseorang individu menjadi pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka orang itu hendaklah dianggap hanya sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana tempat pengurusannya yang berkesan terletak.

## **Perkara 5**

### **BANGUNAN TETAP**

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, perkataan "bangunan tetap" bermakna suatu tempat perniagaan tetap yang melaluinya perniagaan sesuatu perusahaan dijalankan seluruhnya atau sebahagiannya.

2. Perkataan "bangunan tetap" hendaklah termasuk terutamanya —

(a) tempat pengurusan;

(b) cawangan;

(c) pejabat;

(d) stor, gudang atau premis yang digunakan sebagai saluran keluar jualan melainkan jika aktiviti-aktiviti tersebut termasuk di bawah perenggan 3(a) atau (b);

(e) kilang;

(f) bengkel;

(g) kebun atau perladangan;

(h) lombong, telaga minyak atau gas, kuari atau tempat pengeluaran lain sumber alam, termasuk balak atau keluaran hutan yang lain;

(i) rig penggerudian atau kapal kerja atau kilang penapisan yang digunakan untuk mencarigali sumber alam;

(j) tapak bangunan atau projek pembinaan atau aktiviti-aktiviti penyeliaan yang berhubung dengannya, dengan syarat tapak, projek atau aktiviti tersebut berterusan bagi tempoh lebih dari 183 hari;

(k) projek pemasangan atau pepasangan yang wujud selama lebih dari 183 hari; dan

(l) pemberian perkhidmatan, termasuk perkhidmatan pakar runding oleh suatu perusahaan melalui pekerja-pekerja atau personel lain yang diambil oleh perusahaan itu bagi maksud itu, tetapi hanya jika aktiviti-aktiviti seperti itu berterusan (bagi projek yang sama atau berkaitan) di dalam negara bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah lebih dari 183 hari dalam mana-mana tempoh dua belas bulan.

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara ini yang terdahulu, perkataan "bangunan tetap" tidaklah boleh dianggap termasuk —

(a) penggunaan kemudahan hanya untuk tujuan menyimpan, mempamerkan atau menghantar barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan tersebut;

(b) penyelenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan tersebut hanya untuk tujuan menyimpan, mempamerkan atau menghantar;

(c) penyelenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan tersebut hanya untuk tujuan memproses oleh perusahaan lain;

(d) penyelenggaraan suatu tempat perniagaan tetap hanya untuk tujuan membeli barang-barang atau dagangan, atau untuk mengumpul maklumat bagi perusahaan tersebut;

(e) penyelenggaraan suatu tempat perniagaan tetap hanya untuk tujuan mengiklankan, bagi memberi maklumat, untuk penyelidikan saintifik atau bagi aktiviti-aktiviti yang sama yang bersifat persediaan atau tambahan, bagi perusahaan tersebut;

(f) penyelenggaraan suatu tempat perniagaan tetap hanya bagi sebarang gabungan aktiviti yang disebutkan dalam perenggan-perenggan kecil (a) hingga (e), dengan syarat bahawa keseluruhan aktiviti tempat perniagaan tetap itu akibat dari gabungan ini adalah bersifat persediaan atau tambahan.

4. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2, jika seseorang – selain daripada seseorang ejen bertaraf bebas yang dikenakan perenggan 7, – bertindak di suatu Negara Pejanji bagi pihak suatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi, maka perusahaan itu hendaklah dianggap mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan berkaitan dengan sebarang aktiviti yang dijalankan oleh orang itu bagi perusahaan tersebut, jika orang itu –

(a) mempunyai dan lazimnya menjalankan di Negara Pejanji itu kuasa untuk membuat kontrak atas nama perusahaan tersebut, melainkan jika aktiviti-aktiviti orang itu terhad kepada aktiviti-aktiviti yang disebutkan dalam perenggan 4 yang, jika dijalankan melalui suatu tempat perniagaan tetap, tidak akan menjadikan tempat perniagaan tetap ini suatu bangunan tetap di bawah peruntukan-peruntukan perenggan itu; atau

(b) tidak mempunyai kuasa tersebut, tetapi lazimnya menyelenggarakan di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan suatu stok barang-barang atau dagangan yang daripadanya dia selalu menyerahkan barang-barang atau dagangan bagi pihak perusahaan itu.

5. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara ini yang terdahulu, suatu perusahaan insurans di suatu Negara Pejanji hendaklah, kecuali berhubung dengan insurans semula, dianggap mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Pejanji yang satu lagi jika perusahaan insurans itu memungut premium di dalam wilayah Negara Pejanji yang satu lagi itu atau menginsuranskan risiko

yang terletak di dalamnya melalui seseorang selain daripada ejen bertaraf bebas yang dikenakan perenggn 7.

6. Perusahaan suatu Negara Pejanji tidaklah boleh dianggap mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Pejanji yang satu lagi hanya kerana ia menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi itu melalui seseorang broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, dengan syarat bahawa orang-orang itu bertindak dalam perjalanan biasa perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, apabila aktiviti-aktiviti ejen tersebut ditumpukan seluruhnya atau hampir seluruhnya bagi pihak perusahaan tersebut, dan syarat-syarat dibuat atau dikenakan di antara perusahaan tersebut dan ejen itu dalam hubungan perdagangan dan kewangan mereka yang berlainan dari syarat-syarat yang sepatutnya dibuat di antara perusahaan-perusahaan bebas, dia tidak akan dianggap sebagai ejen bertaraf bebas dalam makna perenggan ini.

7. Hakikat bahawa suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, atau yang menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi itu (sama ada melalui suatu bangunan tetap atau pun selainnya), tidaklah boleh dengan sendirinya menjadikan salah satu syarikat itu suatu bangunan tetap kepada syarikat yang satu lagi.

## Perkara 6

### PENDAPATAN DARI HARTA TAK ALIH

1. Pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dari harta tak alih (termasuk pendapatan dari pertanian, perhutanan atau perikanan) yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Perkataan "harta tak alih" hendaklah mempunyai makna yang dipunyainya di bawah undang-undang Negara Pejanji di mana harta yang berkenaan itu terletak. Perkataan tersebut hendaklah dalam sebarang hal termasuk harta tambahan kepada harta tak alih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian, perhutanan dan perikanan, hak-hak yang dikenakan peruntukan-peruntukan undang-undang am berkaitan dengan harta tanah, usfruk harta tak alih dan hak-hak mendapat bayaran berubah atau tetap sebagai balasan kerana mengerjakan, atau hak untuk mengerjakan, longgokan galian, sumber dan sumber alam yang lain; kapal, bot dan pesawat udara tidaklah boleh dianggap sebagai harta tak alih.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah juga dikenakan kepada pendapatan yang diperolehi dari penggunaan langsung, penyewaan atau penggunaan dalam sebarang bentuk lain harta tak alih.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 3 hendaklah juga dikenakan kepada pendapatan dari harta tak alih suatu perusahaan dan pendapatan dari harta tak alih yang digunakan bagi melaksanakan perkhidmatan bebas persendirian.

#### Perkara 7

#### KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Keuntungan perusahaan suatu Negara Pejanji hanya boleh dicukai di Negara Pejanji ini melainkan jika perusahaan tersebut menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya. Jika perusahaan tersebut menjalankan perniagaan sebagaimana yang disebutkan di atas, keuntungan perusahaan tersebut boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi tetapi hanya atas sebanyak mana darinya yang boleh dikaitkan dengan –

(a) bangunan tetap itu;

(b) jualan di Negara Pejanji yang satu lagi itu barang-barang atau dagangan yang sama atau serupa jenisnya dengan barang-barang atau dagangan yang dijual melalui bangunan tetap itu; atau

(c) aktiviti-aktiviti perniagaan lain yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu yang sama atau serupa jenisnya dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui bangunan tetap itu.

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 3, jika perusahaan suatu Negara Pejanji menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah di tiap-tiap Negara Pejanji dikaitkan dengan bangunan tetap itu keuntungan yang dijangka mungkin dibuat olehnya jika ia adalah perusahaan berlainan dan berasingan yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah syarat-syarat yang sama atau serupa dan berurusan dengan penuh kebebasan dengan perusahaan itu yang merupakan suatu bangunan tetap.

3. Dalam menentukan keuntungan suatu bangunan tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan perbelanjaan yang dilakukan bagi maksud-maksud perniagaan bangunan tetap itu termasuk perbelanjaan eksekutif dan pentadbiran am yang dilakukan demikian, sama ada di Negara Pejanji di mana bangunan tetap itu terletak atau di tempat lain yang dibenarkan di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang domestik Negara Pejanji di mana bangunan tetap itu terletak. Walau bagaimanapun, potongan tersebut tidak akan dibenarkan berkaitan dengan amaun-amaun, jika ada, yang dibayar (melainkan bagi membayar balik perbelanjaan sebenar) oleh bangunan tetap itu kepada ibu pejabat perusahaan itu atau mana-mana pejabatnya yang lain, melalui royalti, fee atau pembayaran lain yang serupa sebagai balasan terhadap penggunaan paten atau hak lain, atau melalui komisen, terhadap perkhidmatan tertentu yang dilaksanakan atau terhadap pengurusan, atau, kecuali dalam hal suatu

perusahaan perbankan, melalui faedah ke atas wang-wang yang dipinjamkan kepada bangunan tetap itu. Begitu juga, tiada pertimbangan boleh diambil, dalam menentukan keuntungan suatu bangunan tetap, bagi amaun-amaun yang dikenakan (melainkan bagi membayar balik perbelanjaan sebenar), oleh bangunan tetap itu kepada ibu pejabat perusahaan itu atau mana-mana pejabatnya yang lain, melalui royalti, fee atau pembayaran lain yang serupa sebagai balasan terhadap penggunaan paten atau hak lain, atau melalui komisen terhadap perkhidmatan tertentu yang dilaksanakan atau terhadap pengurusan, atau, kecuali dalam hal suatu perusahaan perbankan, melalui faedah ke atas wang-wang yang dipinjamkan kepada ibu pejabat perusahaan itu atau mana-mana pejabatnya yang lain.

4. Setakat mana telah menjadi kelaziman di suatu Negara Pejanji untuk menentukan keuntungan yang hendak dikaitkan dengan suatu bangunan tetap berasaskan kepada pembahagian jumlah keuntungan perusahaan itu kepada beberapa bahagiannya, tiada sebarang apa pun dalam perenggan 2 boleh menghalang Negara Pejanji itu dari menentukan keuntungan yang akan dicukai mengikut pembahagian yang mungkin menjadi kelaziman; kaedah pembahagian yang diterimapakai hendaklah, walau bagaimanapun, sebegitu rupa sehingga hasilnya adalah menurut prinsip-prinsip yang terkandung dalam Perkara ini.

5. Bagi maksud perenggan-perenggan yang terdahulu, keuntungan yang hendak dikaitkan dengan bangunan tetap itu hendaklah ditentukan dengan cara yang sama dari tahun ke setahun melainkan jika terdapat alasan yang memuaskan dan mencukupi sebaliknya.

6. Jika keuntungan termasuk butiran pendapatan yang dikendalikan secara berasingan dalam Perkara-Perkara lain Perjanjian ini, maka peruntukan-peruntukan Perkara-Perkara tersebut tidak akan terjejas oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

## **Perkara 8**

### **PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA**

1. Keuntungan perusahaan suatu Negara Pejanji dari pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalulintas antarabangsa hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja.

2. Bagi maksud-maksud Perkara ini, keuntungan dari pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalulintas antarabangsa termasuk —

(a) keuntungan dari penyewaan kapal atau pesawat udara atas dasar kapal kosong; dan

(b) keuntungan dari penggunaan, penyelenggaraan atau penyewaan kontena (termasuk treler dan kelengkapan berkaitan bagi pengangkutan kontena) yang digunakan untuk mengangkut barang-barang atau dagangan,

jika penyewaan tersebut atau penggunaan, penyelenggaraan atau penyewaan tersebut, mengikut mana yang berkenaan, adalah bersampingan dengan pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalulintas antarabangsa.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara ini hendaklah juga dikenakan kepada keuntungan yang diperolehi dari penyertaan dalam kumpulan, perniagaan bersama atau agensi pengendalian antarabangsa, tetapi hanya kepada sebanyak mana keuntungan yang diperolehi itu boleh dikaitkan dengan peserta mengikut nisbah sahamnya dalam pengendalian bersama.

### Perkara 9

#### PERUSAHAAN BERSEKUTU

1. Jika —

(a) perusahaan suatu Negara Pejanji menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, kawalan atau modal perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi,

atau

(b) orang-orang yang sama menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, kawalan atau modal perusahaan suatu Negara Pejanji dan perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi,

dan dalam salah satu hal syarat-syarat dibuat atau dikenakan di antara kedua-dua perusahaan itu dalam hubungan perdagangan atau kewangan mereka yang berlainan dari syarat-syarat yang akan dibuat di antara perusahaan-perusahaan bebas, maka sebarang keuntungan yang, jika tidak kerana syarat-syarat tersebut, sepatutnya terakru kepada salah satu perusahaan tersebut, tetapi, disebabkan oleh syarat-syarat tersebut, tidak terakru demikian, boleh dimasukkan dalam keuntungan perusahaan itu dan dicukai dengan sewajarnya.

2. Jika suatu Negara Pejanji memasukkan dalam keuntungan perusahaan Negara Pejanji itu - dan mengenakan cukai dengan sewajarnya - keuntungan yang atasnya perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi telah dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu dan keuntungan yang dimasukkan itu adalah keuntungan yang sepatutnya terakru kepada perusahaan Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan jika syarat-syarat yang dibuat di antara kedua-dua perusahaan itu adalah syarat-syarat yang sepatutnya dibuat di antara perusahaan-perusahaan bebas, maka Negara Pejanji yang satu lagi itu hendaklah membuat suatu pelarasan yang bersesuaian kepada amaun cukai yang dikenakan di

dalamnya atas keuntungan tersebut. Dalam menentukan pelarasan tersebut, perhatian yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini dan pihak-pihak berkuasa yang layak di Negara-Negara Pejanji hendaklah, jika perlu, berunding antara satu sama lain.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 2 tidaklah boleh dikenakan jika prosiding kehakiman, pentadbiran atau undang-undang telah mengakibatkan dalam suatu keputusan akhir bahawa melalui tindakan yang menyebabkan suatu pelarasan keuntungan dibuat di bawah perenggan 1, salah satu perusahaan yang berkenaan boleh dikenakan hukuman berhubung dengan penipuan, kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja.

## Perkara 10

### DIVIDEN

1. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, hanya boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu sahaja jika pemastautin itu adalah pemilik benefisial dividen tersebut. Perenggan ini tidak akan menjejaskan pencukaaian syarikat itu berkaitan dengan keuntungan yang darinya dividen tersebut dibayar.

2. Perkataan "dividen" yang digunakan dalam Perkara ini bermakna pendapatan dari saham-saham, saham-saham "jouissance" atau hak-hak "jouissance", saham-saham perlombongan, saham-saham pengasas atau hak-hak lain, bukannya tuntutan hutang, penyertaan dalam keuntungan, dan juga pendapatan dari hak-hak korporat lain yang tertakluk kepada layanan pencukaaian yang sama sepertimana pendapatan dari saham-saham menurut undang-undang Negara Pejanji di mana syarikat yang membuat pengagihan itu menjadi pemastautin.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidaklah boleh dikenakan jika pemilik benefisial dividen itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana syarikat yang membayar dividen itu menjadi pemastautin, melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, atau melaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan bebas persendirian dari suatu pusat operasi tetap yang terletak di dalamnya, dan pemegangan yang berkaitan dengannya dividen itu dibayar pada hakikatnya berhubungan dengan bangunan tetap atau pusat operasi tetap itu. Dalam hal tersebut peruntukan-peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan.

4. Jika suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji memperoleh keuntungan atau pendapatan dari Negara Pejanji yang satu lagi, Negara Pejanji yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan sebarang cukai ke atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu, kecuali setakat mana dividen itu dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu atau setakat mana

pemegangan yang berkaitan dengannya dividen itu dibayar pada hakikatnya berhubungan dengan suatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi itu, atau menjadikan keuntungan yang tidak diagihkan syarikat itu tertakluk kepada cukai ke atas keuntungan yang tidak diagihkan syarikat itu, walaupun dividen yang dibayar atau keuntungan yang tidak diagihkan itu mengandungi seluruhnya atau sebahagiannya dari pendapatan atau keuntungan yang terbit di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

5. Peruntukan-peruntukan Perkara ini tidaklah boleh dikenakan jika tujuan utama atau salah satu tujuan utama mana-mana orang yang terlibat dengan perwujudan atau penyerahan hak saham-saham atau hak-hak lain yang berkaitan dengannya dividen itu dibayar adalah untuk mengambil faedah Perkara ini melalui perwujudan atau penyerahan hak itu.

### Perkara 11

#### PENDAPATAN DARI TUNTUTAN HUTANG

1. Pendapatan dari tuntutan hutang yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, pendapatan itu boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana ia terbit dan mengikut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi jika pemilik benefisial pendapatan itu adalah pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, maka cukai yang dikenakan itu tidaklah boleh melebihi lima (5) peratus dari jumlah kasar pendapatan itu.
3. Pihak-pihak berkuasa yang layak di Negara-Negara Pejanji hendaklah dengan persetujuan bersama menyelesaikan cara untuk mengenakan batasan ini.
4. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 2, pendapatan yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada Kerajaan Negara Pejanji yang satu lagi atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun atau agensi atau pihak berkuasanya, atau kepada Bank Nasional atau mana-mana syarikat milik penuh Negara yang satu lagi itu, hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan.
5. Perkataan-perkataan "pendapatan dari tuntutan hutang" atau "pendapatan" yang digunakan dalam Perkara ini bermakna pendapatan dari setiap jenis tuntutan hutang, sama ada bercagarkan dengan gadai-janji atau tidak dan sama ada menjalankan suatu hak untuk menyertai dalam keuntungan penghutang atau tidak, dan khususnya, pendapatan dari sekuriti kerajaan dan pendapatan dari bon atau debentur, termasuk premium dan prize yang dikenakan kepada sekuriti, bon atau debentur tersebut. Bayaran penalti kerana lambat membayar tidaklah boleh dianggap sebagai pendapatan bagi maksud Perkara ini.

6. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah boleh dikenakan jika pemilik benefisial pendapatan itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana pendapatan itu terbit, melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, atau melaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan bebas persendirian dari suatu pusat operasi tetap yang terletak di dalamnya, dan tuntutan hutang yang berkaitan dengannya pendapatan itu dibayar pada hakikatnya berhubungan dengan (a) bangunan tetap atau pusat operasi tetap itu, atau (b) aktiviti-aktiviti perniagaan yang disebut dalam perenggan kecil (c) perenggan 1 Perkara 7. Dalam hal tersebut peruntukan-peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan.

7. Pendapatan dari tuntutan hutang hendaklah dianggap terbit di suatu Negara Pejanji jika pembayarnya adalah pemastautin Negara Pejanji itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar pendapatan itu, sama ada dia menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang berhubung dengannya keterhutangan yang atasnya pendapatan itu dibayar telah dilakukan, dan pendapatan itu ditanggung oleh bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut, maka pendapatan itu hendaklah dianggap terbit di Negara Pejanji di mana bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut terletak.

8. Jika, kerana hubungan khas di antara pembayar dan pemilik benefisial atau di antara mereka berdua dan seseorang yang lain, jumlah pendapatan itu, dengan memberi perhatian kepada tuntutan hutang yang atasnya pendapatan itu dibayar, melebihi dari jumlah yang sepatutnya dipersetujui oleh pembayar dan pemilik benefisial sekiranya hubungan sedemikian tidak ada, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dikenakan hanya kepada jumlah yang terakhir disebutkan itu. Dalam hal tersebut, bahagian bayaran yang berlebihan itu boleh terus dicukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan Perjanjian ini yang lain.

9. Peruntukan-peruntukan Perkara ini tidaklah boleh dikenakan jika tujuan utama atau salah satu tujuan utama mana-mana orang yang terlibat dengan perwujudan atau penyerahan hak tuntutan hutang yang berkaitan dengannya pendapatan itu dibayar adalah untuk mengambil faedah Perkara ini melalui perwujudan atau penyerahan hak itu.

## Perkara 12

### ROYALTI

1. Royalti yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, royalti tersebut boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana ia terbit dan mengikut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi jika

pemilik benefisial royalti tersebut adalah pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, maka cukai yang dikenakan itu tidaklah boleh melebihi lima (5) peratus dari jumlah kasar royalti tersebut.

3. Pihak-pihak berkuasa yang layak di Negara-Negara Pejanji hendaklah dengan persetujuan bersama menyelesaikan cara untuk mengenakan batasan ini.

4. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 2, royalti yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada Kerajaan Negara Pejanji yang satu lagi atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun atau agensi atau pihak berkuasanya, atau kepada Bank Nasional atau mana-mana syarikat milik penuh Negara yang satu lagi itu, hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan.

5. Perkataan "royalti" yang digunakan dalam Perkara ini bermakna sebarang jenis bayaran yang diterima sebagai balasan kerana —

(a) menggunakan, atau hak untuk menggunakan, sebarang hakcipta ke atas karya sastera, seni atau saintifik tetapi tidak termasuk filem sinematograf atau filem atau pita yang digunakan untuk siaran radio atau televisyen, sebarang paten, tanda perniagaan, atau model, pelan, formula atau proses rahsia, atau kerana menggunakan, atau hak untuk menggunakan, kelengkapan perindustrian, perdagangan, atau saintifik atau untuk maklumat berhubung dengan pengalaman perindustrian, perdagangan atau saintifik;

(b) menerima, atau hak untuk menerima, apa-apa visual, imej atau bunyi, atau kedua-duanya, yang dipancarkan melalui satelit, kabel, fiber optik atau teknologi yang serupa berhubung dengan siaran televisyen, radio atau internet;

(c) memberi apa jua bantuan yang merupakan sampingan dan tambahan kepada dan diberikan sebagai suatu cara untuk membolehkan sebarang harta atau hak yang disebutkan dalam fasal-fasal (a) dan (b) digunakan atau dinikmati;

(d) melupuskan sebarang harta atau hak yang disebut dalam fasal-fasal (a) dan (b).

6. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah boleh dikenakan jika pemilik benefisial royalti itu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana royalti itu terbit, melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, atau melaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan bebas persendirian dari suatu pusat operasi tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta yang berkaitan dengannya royalti itu dibayar pada hakikatnya berhubung dengan (a) bangunan tetap atau pusat operasi tetap itu, atau (b) aktiviti-aktiviti perniagaan yang disebut dalam perenggan kecil (c) perenggan 1

Perkara 7. Dalam hal tersebut, peruntukan-peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan.

7. Royalti hendaklah dianggap terbit di suatu Negara Pejanji jika pembayarannya adalah pemastautin Negara Pejanji itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar royalti itu, sama ada dia menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang berhubung dengannya liabiliti untuk membayar royalti itu telah dilakukan, dan royalti itu ditanggung oleh bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut, maka royalti itu hendaklah dianggap terbit di Negara Pejanji di mana bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut terletak.

8. Jika, kerana hubungan khas di antara pembayar dan pemilik benefisial atau di antara mereka berdua dan seseorang yang lain, jumlah royalti yang dibayar itu, dengan memberi perhatian kepada penggunaan, hak atau maklumat yang atasnya royalti itu dibayar, melebihi dari jumlah yang sepatutnya dipersetujui oleh pembayar dan pemilik benefisial sekiranya hubungan sedemikian tidak ada, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dikenakan hanya kepada jumlah yang terakhir disebutkan itu. Dalam hal tersebut, bahagian bayaran yang berlebihan itu boleh terus dicukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan Perjanjian ini yang lain.

9. Peruntukan-peruntukan Perkara ini tidaklah boleh dikenakan jika tujuan utama atau salah satu tujuan utama mana-mana orang yang terlibat dengan perwujudan atau penyerahan hak saham-saham atau hak-hak yang berkaitan dengannya royalti itu dibayar adalah untuk mengambil faedah Perkara ini melalui perwujudan atau penyerahan hak itu.

### Perkara 13

#### BAYARAN TEKNIKAL

1. Bayaran teknikal yang terbit di suatu Negara Pejanji yang diperolehi oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, bayaran teknikal tersebut boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana ia terbit dan mengikut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi jika pemilik benefisial bayaran teknikal itu adalah pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, maka cukai yang dikenakan itu tidaklah boleh melebihi sepuluh (10) peratus dari jumlah kasar bayaran teknikal tersebut.

3. Perkataan "bayaran teknikal" yang digunakan dalam Perkara ini bermakna sebarang jenis bayaran kepada mana-mana orang, selain kepada seseorang pekerja orang yang membuat bayaran itu, sebagai balasan kerana sebarang perkhidmatan yang bersifat teknikal, pengurusan atau perundingan.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah boleh dikenakan jika pemilik benefisial bayaran teknikal itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana bayaran teknikal itu terbit melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, atau melaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan bebas persendirian dari suatu pusat operasi tetap yang terletak di dalamnya, dan bayaran teknikal itu pada hakikatnya berhubungan dengan (a) bangunan tetap atau pusat operasi tetap itu atau (b) aktiviti-aktiviti perniagaan yang disebut dalam perenggan kecil (c) perenggan 1 Perkara 7. Dalam hal tersebut, peruntukan-peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan.

5. Bayaran teknikal hendaklah dianggap terbit di suatu Negara Pejanji jika pembayarannya adalah pemastautin Negara Pejanji itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membuat bayaran teknikal itu, sama ada dia menjadi pemastautin Negara Pejanji itu atau tidak, mempunyai di Negara Pejanji itu suatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang berhubung dengannya kewajipan untuk membuat bayaran teknikal itu telah dilakukan, dan bayaran teknikal itu ditanggung oleh bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut, maka bayaran teknikal itu hendaklah dianggap terbit di Negara Pejanji di mana bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut terletak.

6. Jika, kerana hubungan khas di antara pembayar dan pemilik benefisial atau di antara mereka berdua dan seseorang yang lain, jumlah bayaran teknikal yang dibayar itu melebihi, atas alasan apa pun, dari jumlah yang sepatutnya dipersetujui oleh pembayar dan pemilik benefisial sekiranya hubungan sedemikian tidak ada, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dikenakan hanya kepada jumlah yang terakhir disebutkan itu. Dalam hal tersebut, bahagian bayaran yang berlebihan itu boleh terus dicukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan Perjanjian ini yang lain.

7. Peruntukan-peruntukan Perkara ini tidaklah boleh dikenakan jika tujuan utama atau salah satu tujuan utama mana-mana orang yang terlibat dengan perwujudan atau penyerahan hak-hak yang berkaitan dengannya bayaran teknikal itu dibayar adalah untuk mengambil faedah Perkara ini melalui perwujudan atau penyerahan hak itu.

#### Perkara 14

#### LABA MODAL

1. Laba yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dari pemberian milik harta tak alih yang disebut dalam Perkara 6 dan terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Laba dari pemberian milik harta alih yang merupakan sebahagian dari harta perniagaan suatu bangunan tetap yang dipunyai oleh perusahaan suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi atau harta alih yang berkaitan dengan suatu pusat operasi tetap yang tersedia untuk pemastautin suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud melaksanakan perkhidmatan bebas persendirian, termasuk laba dari pemberian milik bangunan tetap tersebut (bersendirian atau bersama dengan seluruh perusahaan itu) atau pusat operasi tetap tersebut, boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

3. Laba yang diperolehi oleh perusahaan suatu Negara Pejanji dari pemberian milik kapal-kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa, bot-bot yang terlibat dalam pengangkutan alur pelayaran darat atau harta alih yang berkaitan dengan pengendalian kapal-kapal atau pesawat udara tersebut, hanya boleh dicukai di Negara Pejanji di mana tempat pengurusan yang berkesan perusahaan itu terletak.

4. Laba dari pemberian milik syer-syer bagi saham modal suatu syarikat, atau kepentingan dalam suatu perkongsian, amanah atau estet, di mana harta tersebut mengandungi secara langsung atau tidak langsung terutamanya harta tak alih yang terletak di suatu Negara Pejanji boleh dicukai di Negara Pejanji itu. Khususnya —

(a) tiada sebarang apa pun yang terkandung dalam perenggan ini boleh dikenakan kepada suatu syarikat, perkongsian, amanah atau estet, selain dari suatu syarikat, perkongsian, amanah atau estet yang terlibat dalam perniagaan pengurusan harta tak alih, di mana harta tersebut mengandungi secara langsung atau tidak langsung terutamanya harta tak alih yang digunakan oleh syarikat, perkongsian, amanah atau estet itu dalam aktiviti-aktiviti perniagaannya;

(b) bagi maksud-maksud perenggan ini, "terutamanya" berhubung dengan pemilikan harta tak alih bermakna nilai harta tak alih itu melebihi 50 peratus dari nilai keseluruhan semua aset yang dimiliki oleh syarikat, perkongsian, amanah atau estet itu.

5. Laba dari pemberian milik sebarang harta selain dari yang disebut dalam perenggan-perenggan 1, 2, 3 dan 4 hanya boleh dicukai di Negara Pejanji di mana pemberi milik menjadi pemastautin.

**Perkara 15**

**PERKHIDMATAN BEBAS PERSENDIRIAN**

1. Pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkaitan dengan perkhidmatan profesional atau aktiviti lain yang bebas sifatnya hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja kecuali dalam hal keadaan yang berikut, jika pendapatan tersebut boleh juga dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi –

(a) jika dia mempunyai suatu pusat operasi tetap yang sentiasa tersedia untuknya di Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud melaksanakan aktiviti-aktivitinya; dalam hal itu, hanya sebanyak mana dari pendapatan yang dikaitkan dengan pusat operasi tetap itu boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu; atau

(b) jika dia tinggal di Negara Pejanji yang satu lagi selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah atau melebihi pada keseluruhannya 183 hari dalam mana-mana tempoh dua belas bulan yang bermula atau berakhir pada tahun fiskal yang berkenaan; dalam hal itu, hanya sebanyak mana dari pendapatan yang diperolehi dari aktiviti-aktivitinya yang dilaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Perkataan "perkhidmatan profesional" termasuk terutamanya aktiviti-aktiviti bebas saintifik, kesusasteraan, kesenian, pendidikan atau pengajaran dan juga aktiviti-aktiviti bebas pakar perubatan, peguam, jurutera, arkitek, doktor gigi dan akauntan.

**Perkara 16**

**PERKHIDMATAN TANGGUNGAN PERSENDIRIAN**

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara 17, 19 dan 20, gaji, upah dan ganjaran lain yang serupa yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkaitan dengan suatu pekerjaan hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja melainkan jika pekerjaan itu dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi. Jika pekerjaan itu dijalankan demikian, ganjaran yang diperolehi darinya itu boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1, ganjaran yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkaitan dengan sesuatu pekerjaan yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi hanya boleh dicukai di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan itu sahaja jika –

(a) penerimanya berada di Negara Pejanji yang satu lagi selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang pada keseluruhannya tidak melebihi dari

183 hari dalam mana-mana tempoh dua belas bulan yang bermula atau berakhir pada tahun fiskal yang berkenaan; dan

(b) ganjaran itu dibayar oleh, atau bagi pihak, seseorang majikan yang bukan pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi; dan

(c) ganjaran itu tidak ditanggung oleh suatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang dipunyai oleh majikan tersebut di Negara Pejanji yang satu lagi.

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara ini yang terdahulu, ganjaran yang diperolehi berkaitan dengan sesuatu pekerjaan yang dijalankan di dalam sesebuah kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa, atau di dalam sesebuah bot yang terlibat dalam pengangkutan alur pelayaran darat, boleh dicukai di Negara Pejanji di mana tempat pengurusan yang berkesan perusahaan itu terletak.

#### **Perkara 17**

#### **BAYARAN PENGARAH DAN GANJARAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI PENGURUSAN PERINGKAT ATASAN**

1. Bayaran pengarah dan bayaran lain yang serupa yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai ahli Lembaga Pengarah suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Gaji, upah dan ganjaran lain yang serupa yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai seorang pegawai dalam jawatan pengurusan peringkat atasan suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

#### **Perkara 18**

#### **ARTIS DAN AHLI SUKAN**

1. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara 15 dan 16, pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai penghibur, seperti artis teater, wayang gambar, radio atau televisyen, atau pemuzik, atau sebagai ahli sukan, dari aktiviti-aktiviti persendirian yang sedemikian yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Jika pendapatan berkaitan dengan aktiviti-aktiviti persendirian yang dijalankan oleh seseorang penghibur atau ahli sukan atas sifatnya yang sedemikian terakru bukan kepada penghibur atau ahli sukan itu sendiri tetapi kepada orang lain, pendapatan tersebut boleh, dengan tidak menghiraukan

peruntukan-peruntukan Perkara 7, 15 dan 16, dicukai di Negara Pejanji di mana aktiviti-aktiviti penghibur atau ahli sukan itu dijalankan.

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2, pendapatan yang diperolehi dari aktiviti-aktiviti yang disebut dalam perenggan 1 hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji di mana aktiviti-aktiviti itu dijalankan jika lawatan ke Negara Pejanji itu ditampung seluruhnya atau sebahagian besarnya dari dana salah satu atau kedua-dua Negara Pejanji, pihak berkuasa tempatan atau institusi awamnya.

#### Perkara 19

#### PENCEN DAN BAYARAN KESELAMATAN SOSIAL

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara 20, pencen dan ganjaran lain yang serupa yang dibayar kepada pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai balasan pekerjaan yang lalu boleh dicukai di Negara Pejanji itu.

2. Walau bagaimanapun, pencen dan ganjaran lain yang serupa itu boleh juga dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi jika bayaran itu dibuat oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu atau suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya.

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2, pencen yang dibayar dan bayaran lain yang dibuat di bawah suatu skim awam yang merupakan sebahagian dari sistem keselamatan sosial suatu Negara Pejanji atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja.

#### Perkara 20

#### PERKHIDMATAN KERAJAAN

1. (a) Gaji, upah dan ganjaran lain yang serupa, selain dari pencen, yang dibayar oleh suatu Negara Pejanji atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya kepada seseorang individu berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara Pejanji itu atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja.

(b) Walau bagaimanapun, gaji, upah dan ganjaran lain yang serupa itu hanya boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu sahaja jika perkhidmatan tersebut diberikan di Negara Pejanji yang satu lagi itu dan individu tersebut adalah pemastautin Negara Pejanji itu yang —

(i) menjadi rakyat Negara Pejanji itu; atau

(ii) tidak menjadi pemastautin Negara Pejanji itu hanya bagi maksud memberikan perkhidmatan itu.

2. (a) Sebarang pencen yang dibayar oleh, atau dari dana yang diwujudkan oleh, suatu Negara Pejanji atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya kepada seseorang individu berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara Pejanji itu atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja.

(b) Walau bagaimanapun, pencen tersebut hanya boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu sahaja jika individu tersebut menjadi pemastautin, dan rakyat, Negara Pejanji yang satu lagi itu.

3. Peruntukan-peruntukan Perkara 16, 17, 18 dan 19 hendaklah dikenakan kepada gaji, upah dan ganjaran lain yang serupa, dan pencen, berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan berhubung dengan sesuatu perniagaan yang dijalankan oleh suatu Negara Pejanji atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya.

#### **Perkara 21**

#### **GURU DAN PENYELIDIK**

1. Seseorang guru atau penyelidik yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji sejurus sebelum membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi dan yang, atas jemputan mana-mana universiti, kolej, sekolah, atau institusi pendidikan atau institusi penyelidikan saintifik lain yang serupa yang diluluskan, melawat Negara Pejanji yang satu lagi itu selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari dua tahun dari tarikh ketibaannya di Negara Pejanji yang satu lagi itu hanya untuk tujuan mengajar atau menyelidik atau kedua-duanya di institusi pendidikan atau penyelidikan tersebut, hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu atas sebarang ganjaran yang diperolehi dari pengajaran atau penyelidikan tersebut.

2. Perkataan "diluluskan" dalam perenggan 1 merujuk kepada kelulusan yang diberikan oleh Negara Pejanji di mana universiti, kolej, sekolah atau institusi pendidikan atau institusi penyelidikan saintifik lain yang serupa itu terletak.

3. Perkara ini tidaklah boleh dikenakan kepada pendapatan dari penyelidikan jika penyelidikan itu diusahakan terutamanya untuk faedah persendirian orang atau orang-orang tertentu.

**Perkara 22**

**PELAJAR**

Bayaran yang diterima oleh seseorang pelajar atau pelatih atau perantis perniagaan sejurus sebelum melawat suatu Negara Pejanji yang menjadi atau telah menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi dan yang berada di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan bagi maksud nafkah, pendidikan atau latihannya tidak boleh dicukai di Negara Pejanji itu, dengan syarat bahawa bayaran tersebut terbit dari sumber-sumber di luar Negara Pejanji itu.

**Perkara 23**

**PENDAPATAN LAIN**

1. Butiran-butiran pendapatan pemastautin suatu Negara Pejanji, di mana sahaja terbit, yang tidak ditangani dalam Perkara-Perkara Perjanjian ini yang terdahulu hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja.
2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidaklah boleh dikenakan kepada pendapatan, selain dari pendapatan dari harta tak alih sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 6, jika penerima pendapatan itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, atau melaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan bebas persendirian dari suatu pusat operasi tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta yang berkaitan dengannya pendapatan itu dibayar pada hakikatnya berhubungan dengan bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut. Dalam hal itu peruntukan-peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan.

**Perkara 24**

**CARA-CARA UNTUK MENIADAKAN CUKAI DUA KALI**

1. Jika pemastautin suatu Negara Pejanji memperolehi pendapatan atau memiliki modal yang, menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini, boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi, Negara yang mula-mula disebutkan hendaklah memberikan sebagai potongan dari cukai ke atas pendapatan pemastautin itu suatu jumlah yang bersamaan dengan cukai pendapatan yang dibayar di Negara Pejanji yang satu lagi itu; dan sebagai potongan dari cukai ke atas modal pemastautin itu, suatu jumlah yang bersamaan dengan cukai modal yang dibayar di Negara Pejanji yang satu lagi itu. Walau bagaimanapun, potongan tersebut dalam salah satu hal tidaklah boleh melebihi bahagian cukai pendapatan atau cukai modal, yang dikira sebelum potongan itu diberikan, yang boleh dikaitkan, mengikut mana yang berkenaan, dengan pendapatan atau modal yang boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Jika, menurut sebarang peruntukan Perjanjian ini, pendapatan yang diperolehi atau modal yang dimiliki oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji itu, walau bagaimanapun Negara Pejanji itu boleh, dalam mengira jumlah cukai ke atas baki pendapatan atau modal pemastautin itu, mengambil kira pendapatan atau modal yang dikecualikan itu.

#### Perkara 25

#### TIDAK BERAT SEBELAH

1. Rakyat suatu Negara Pejanji tidaklah boleh tertakluk di Negara Pejanji yang satu lagi kepada sebarang pencucuaian atau sebarang kehendak berhubung dengannya yang berlainan atau lebih membebankan dari pencucuaian dan kehendak-kehendak berkaitan yang kepadanya rakyat Negara Pejanji yang satu lagi itu dalam hal keadaan yang sama tertakluk atau mungkin tertakluk, khususnya berkenaan dengan tempat kediaman. Peruntukan ini hendaklah, dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara 1, juga dikenakan kepada orang-orang yang bukan pemastautin salah satu atau kedua-dua Negara Pejanji.

2. Orang-orang tak bernegara yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji tidaklah boleh tertakluk di salah satu Negara Pejanji kepada sebarang pencucuaian atau sebarang kehendak berhubung dengannya yang berlainan atau lebih membebankan dari pencucuaian dan kehendak-kehendak berkaitan yang kepadanya rakyat Negara Pejanji yang berkenaan dalam hal keadaan yang sama, tertakluk atau mungkin tertakluk, khususnya berkenaan dengan tempat kediaman.

3. Pencucuaian ke atas suatu bangunan tetap yang dipunyai oleh perusahaan suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi tidaklah boleh dikenakan di Negara Pejanji yang satu lagi itu kurang baiknya dari pencucuaian yang dikenakan ke atas perusahaan-perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi itu yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama. Peruntukan ini tidaklah boleh ditafsirkan sebagai mewajibkan suatu Negara Pejanji untuk memberi kepada pemastautin-pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi sebarang potongan, pelepasan dan pengurangan diri untuk tujuan cukai disebabkan oleh taraf sivil atau tanggungjawab keluarga yang diberikannya kepada pemastautin-pemastautinnya sendiri.

4. Kecuali jika peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara 9, perenggan 8, Perkara 11, atau perenggan 6 Perkara 12 atau perenggan 6 Perkara 13 dikenakan, pendapatan dari tuntutan hutang, royalti, bayaran bagi perkhidmatan teknikal dan pembayaran lain yang dibuat oleh perusahaan suatu Negara Pejanji kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh, bagi maksud untuk menentukan keuntungan yang boleh dicukai perusahaan itu, dipotong di bawah syarat-syarat yang sama seolah-olah ia telah dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang

mula-mula disebutkan, walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan perenggan ini yang terdahulu tidaklah boleh dikenakan kepada pembayaran yang dibuat tanpa menahan dan menyimpan cukai yang dikenakan di bawah undang-undang domestik dan menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

5. Perusahaan-perusahaan suatu Negara Pejanji, yang modalnya dimiliki atau dikawal seluruhnya atau sebahagiannya, secara langsung atau tidak langsung, oleh seorang pemastautin atau lebih Negara Pejanji yang satu lagi, tidaklah boleh tertakluk di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan kepada sebarang pencukaaian atau sebarang kehendak berhubung dengannya yang berlainan atau lebih membebankan dari pencukaaian dan kehendak-kehendak berkaitan yang kepadanya perusahaan-perusahaan lain yang serupa di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan itu tertakluk atau mungkin tertakluk.

6. Jika suatu Negara Pejanji memberi galakan cukai kepada rakyatnya yang dirancang untuk mendorong perkembangan ekonomi atau sosial menurut dasar negara dan kriterianya, ia tidaklah boleh ditafsirkan sebagai berat sebelah di bawah Perkara ini.

7. Dalam Perkara ini perkataan "pencukaaian" bermakna cukai-cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini.

#### **Perkara 26**

#### **PROSEDUR PERSETUJUAN BERSAMA**

1. Jika seseorang itu menganggap bahawa tindakan-tindakan salah satu atau kedua-dua Negara Pejanji mengakibatkan atau akan mengakibatkan baginya pencukaaian yang tidak menurut Perjanjian ini, dia boleh, walaupun terdapat remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang domestik Negara-Negara Pejanji tersebut, mengemukakan kesnya kepada pihak berkuasa yang layak di Negara Pejanji di mana dia adalah pemastautinnya atau, jika kesnya termasuk di bawah perenggan 1 Perkara 25, kepada pihak berkuasa yang layak di Negara Pejanji di mana dia adalah rakyatnya. Kes tersebut mestilah dikemukakan dalam masa tiga tahun dari pemberitahuan pertama mengenai tindakan yang mengakibatkan pencukaaian yang tidak menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

2. Pihak berkuasa yang layak hendaklah berusaha, jika bantahan tersebut didapatinya mempunyai justifikasi dan jika ia dengan sendirinya tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang memuaskan, untuk menyelesaikan kes tersebut melalui persetujuan bersama dengan pihak berkuasa yang layak di Negara Pejanji yang satu lagi, dengan tujuan untuk mengelakkan pencukaaian yang tidak menurut Perjanjian ini. Sebarang persetujuan yang dicapai hendaklah dilaksanakan walaupun terdapat sebarang had masa dalam undang-undang domestik Negara-Negara Pejanji.

3. Pihak-pihak berkuasa yang layak di Negara-Negara Pejanji hendaklah berusaha untuk menyelesaikan dengan persetujuan bersama sebarang kesulitan atau keraguan yang timbul tentang tafsiran atau penerapan Perjanjian ini. Mereka juga boleh sama-sama berunding bagi meniadakan cukai dua kali dalam kes-kes yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian ini.

4. Pihak-pihak berkuasa yang layak di Negara-Negara Pejanji boleh berhubung secara langsung antara satu sama lain, termasuk melalui suruhanjaya bersama yang terdiri daripada mereka sendiri atau wakil-wakil mereka, bagi tujuan mencapai persetujuan bagi maksud perenggan-perenggan yang terdahulu. Pihak-pihak berkuasa yang layak, melalui rundingan, hendaklah mengadakan prosedur-prosedur, syarat-syarat, kaedah-kaedah dan teknik-teknik dua hala yang bersesuaian bagi melaksanakan prosedur persetujuan bersama yang diperuntukkan dalam Perkara ini. Selain itu, pihak berkuasa yang layak boleh memikirkan prosedur-prosedur, syarat-syarat, kaedah-kaedah dan teknik-teknik sebelah pihak yang bersesuaian untuk memudahkan tindakan dua hala yang disebutkan di atas dan pelaksanaan prosedur persetujuan bersama.

#### **Perkara 27**

#### **PERTUKARAN MAKLUMAT**

1. Pihak-pihak berkuasa yang layak di Negara-Negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar maklumat yang diperlukan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini atau undang-undang domestik Negara-Negara Pejanji mengenai cukai-cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini, setakat mana pencukaian di bawahnya tidak bertentangan dengan Perjanjian ini, khususnya bagi mencegah penipuan atau pengelakan cukai-cukai tersebut. Pertukaran maklumat tidak disekat oleh Perkara 1. Sebarang maklumat yang diterima oleh suatu Negara Pejanji hendaklah disifatkan sebagai rahsia sama seperti maklumat yang diperolehi di bawah undang-undang domestik Negara Pejanji itu. Walau bagaimanapun, jika maklumat itu pada mulanya dianggap sebagai rahsia di Negara yang menghantar maklumat itu maka maklumat itu hendaklah didedahkan hanya kepada orang-orang atau pihak-pihak berkuasa (termasuk mahkamah-mahkamah dan badan-badan pentadbiran) yang terlibat dalam menaksir atau memungut, menguatkuasakan atau mendakwa berkaitan dengan, atau memutuskan rayuan-rayuan berkenaan dengan, cukai-cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini. Orang-orang atau pihak-pihak berkuasa tersebut hendaklah menggunakan maklumat itu hanya bagi maksud-maksud tersebut tetapi boleh mendedahkan maklumat itu dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan kehakiman. Pihak-pihak berkuasa yang layak hendaklah, melalui rundingan, mengadakan syarat-syarat, kaedah-kaedah dan teknik-teknik yang bersesuaian mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya pertukaran maklumat tersebut dibuat, termasuk, jika berkenaan, pertukaran maklumat berhubung dengan pengelakan cukai.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidaklah boleh sekali-kali ditafsirkan sebagai mengenakan kepada suatu Negara Pejanji kewajipan —

(a) untuk menjalankan langkah-langkah pentadbiran bertentangan dengan undang-undang dan amalan pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;

(b) untuk memberi maklumat yang tidak dapat diperolehi di bawah undang-undang atau dalam perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;

(c) untuk memberi maklumat yang akan mendedahkan sebarang perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersil atau rahsia profesional atau proses perdagangan, atau maklumat yang pendedahannya adalah bertentangan dengan dasar awam; dan

(d) untuk memberi maklumat, yang tidak dipegang oleh pihak-pihak berkuasanya atau tidak ada dalam milikan atau kawalan orang-orang yang berada di dalam bidang kuasa wilayahnya.

#### **Perkara 28**

#### **AHLI-AHLI MISI DIPLOMATIK DAN POS KONSUL**

Tiada sebarang apa pun dalam Perjanjian ini boleh menjejaskan keistimewaan fiskal ahli-ahli misi diplomatik atau pos konsul di bawah aturan-aturan am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan-peruntukan perjanjian khas.

#### **Perkara 29**

#### **MULA BERKUATKUASA**

1. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada hari yang ketiga puluh selepas tarikh menerima pemberitahuan yang kemudian dari dua pemberitahuan itu melalui saluran diplomatik di mana salah satu Negara Pejanji memberitahu Negara Pejanji yang satu lagi bahawa kehendak undang-undang dalam negerinya bagi Perjanjian ini mula berkuatkuasa telah dipenuhi.

2. Perjanjian ini hendaklah berkuatkuasa —

(a) dalam hal Negara Brunei Darussalam;

berkaitan dengan cukai Negara Brunei Darussalam bagi tahun taksiran yang bermula pada atau selepas 1hb Januari dalam tahun kalendar sejurus selepas tahun Perjanjian ini mula berkuatkuasa dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya; dan

(b) dalam hal Bahrain;

berkaitan dengan cukai Bahrain bagi tahun taksiran yang bermula pada atau selepas 1hb Januari dalam tahun kalendar sejurus selepas tahun Perjanjian ini mula berkuatkuasa dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya.

### Perkara 30

#### PENAMATAN

Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa sehingga ditamatkan oleh suatu Negara Pejanji. Salah satu Negara Pejanji boleh menamatkan Perjanjian ini, melalui saluran diplomatik, dengan memberi notis penamatan sekurang-kurangnya enam bulan sebelum penghujung mana-mana tahun kalendar yang bermula lima tahun selepas tahun Perjanjian ini mula berkuatkuasa. Dalam hal itu, Perjanjian ini hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa —

(a) dalam hal Negara Brunei Darussalam;

berkaitan dengan cukai Negara Brunei Darussalam bagi tahun taksiran yang bermula pada atau selepas 1hb Januari dalam tahun kalendar yang kedua selepas tahun notis itu diberikan dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya; dan

(b) dalam hal Bahrain;

berkaitan dengan cukai Bahrain bagi tahun taksiran yang bermula pada atau selepas 1hb Januari dalam tahun kalendar yang kedua selepas tahun notis itu diberikan dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya.

#### PROTOKOL

Setelah Perjanjian ini ditandatangani di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kerajaan the Kingdom of Bahrain, wakil-wakil yang bertandatangan di bawah ini telah, sebagai tambahan, bersetuju dengan peruntukan-peruntukan yang berikut yang akan menjadi suatu bahagian yang melengkapkan Perjanjian itu —

##### 1. Proviso kepada Perkara 17

Adalah difahamkan bahawa suatu Negara Pejanji hendaklah memberikan kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, yang bertindak atas sifatnya sebagai pengarah atau pegawai pengurusan peringkat atasan bagi syarikat itu di bawah Perkara 17 Perjanjian yang tersebut di atas, layanan

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

yang tidak kurang baiknya dari layanan yang diberikan kepada pemastautin mana-mana Negara ketiga yang bertindak atas sifat yang sama.

Diperbuat pada hari ini 14 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 15 haribulan Oktober, 2008, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

PEHIN ORANG KAYA PEKERMA JAYA  
DATO PADUKA HAJI JUDIN BIN HAJI ASAR  
Setiausaha kepada Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

Bil. S 40

**AKTA CUKAI PENDAPATAN  
(PENGGAL 35)****PERINTAH CUKAI PENDAPATAN  
(PELEPASAN CUKAI DUA KALI) (OMAN), 2008**

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh ceraiian (1) bab 41 dari Akta Cukai Pendapatan (Penggala 35) bahawa jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan perintah mengisytiharkan bahawa penyusunan yang dinyatakan dalam perintah itu telah dibuat dengan Kerajaan mana-mana wilayah di luar Negara Brunei Darussalam dengan tujuan untuk memberi pelepasan cukai dua kali berhubung dengan cukai di bawah Akta tersebut dan sebarang cukai yang sama jenisnya yang dikenakan oleh undang-undang wilayah tersebut, dan bahawa adalah mustahak supaya penyusunan tersebut berkuatkuasa, penyusunan tersebut hendaklah berkuatkuasa berhubung dengan cukai di bawah akta tersebut dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam sebarang undang-undang bertulis.

DAN BAHAWASANYA dengan suatu Perjanjian bertarikh 25 Februari, 2008 di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kesultanan Oman, penyusunan telah dibuat antara lain bagi pelepasan cukai dua kali.

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA adalah dengan ini diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat —

(a) bahawa penyusunan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat dengan Kerajaan Kesultanan Oman; dan

(b) bahawa adalah mustahak supaya penyusunan tersebut berkuatkuasa dengan tidak menghiraukan sebarang apapun dalam sebarang undang-undang bertulis.

**JADUAL**

**PENYUSUNAN YANG DIBUAT DENGAN KERAJAAN KESULTANAN OMAN**

**Perkara 1**

**ORANG-ORANG YANG DILIPUTI**

Perjanjian ini hendaklah dikenakan kepada orang-orang yang menjadi pemastautin salah satu atau kedua-dua Negara Pejanji.

**Perkara 2**

**CUKAI-CUKAI YANG DILIPUTI**

1. Perjanjian ini hendaklah dikenakan kepada cukai-cukai ke atas pendapatan yang dikenakan bagi pihak suatu Negara Pejanji tanpa mengira cara bagaimana cukai-cukai itu dilevi.

2. Maka hendaklah dianggap sebagai cukai-cukai ke atas pendapatan semua cukai yang dikenakan ke atas jumlah pendapatan, atau ke atas elemen-elemen pendapatan, termasuk cukai-cukai ke atas laba dari pemberian milik harta alih atau harta tak alih, cukai-cukai ke atas jumlah amaun upah atau gaji yang dibayar oleh perusahaan-perusahaan, dan juga cukai-cukai ke atas kenaikan nilai modal.

3. Cukai-cukai sedia ada yang dikenakan Perjanjian ini adalah terutamanya —

(a) dalam hal Negara Brunei Darussalam —

- (i) cukai pendapatan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Pendapatan (Penggagal 35); dan
- (ii) cukai keuntungan petroleum yang dikenakan di bawah Akta Cukai Pendapatan (Petroleum) (Penggagal 119);

(selepas ini disebut sebagai "cukai Negara Brunei Darussalam").

(b) dalam hal Kesultanan Oman —

- (i) cukai pendapatan syarikat yang dikenakan di bawah Dekri Diraja Bil. 47/1981 sebagaimana yang dipinda; dan
- (ii) cukai keuntungan ke atas bangunan-bangunan yang dikenakan di bawah Dekri Diraja Bil. 77/1989 sebagaimana yang dipinda;

(selepas ini disebut sebagai "cukai Oman").

4. Perjanjian ini hendaklah juga dikenakan kepada sebarang cukai yang sama atau sebahagian besarnya serupa yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti, cukai-cukai sedia ada. Pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji hendaklah memberitahu antara satu sama lain tentang perubahan-perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang pencukaian mereka dalam suatu tempoh masa yang munasabah selepas perubahan-perubahan tersebut.

5. Jika oleh kerana perubahan-perubahan yang dibuat dalam undang-undang pencukaian salah satu Negara Pejanji, adalah didapati mustahak untuk meminda sebarang perkara dalam Perjanjian ini tanpa menjejaskan prinsip-prinsip amnya, maka pindaan-pindaan yang perlu boleh dibuat dengan persetujuan bersama melalui pertukaran nota diplomatik atau dengan apa jua cara lain, dengan syarat bahawa prosedur bagi pindaan-pindaan tersebut adalah menurut prosedur perlembagaan dan undang-undang mereka.

### Perkara 3

#### TAKRIFAN AM

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

(a) perkataan "Negara Brunei Darussalam" bermakna wilayah Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang ditakrifkan dalam undang-undangnya dan kawasan-kawasan bersempadanan yang ke atasnya Negara Brunei Darussalam mempunyai kedaulatan, hak kedaulatan atau bidang kuasa menurut peruntukan-peruntukan Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut, 1982;

(b) perkataan "Kesultanan Oman" bermakna wilayah Kesultanan Oman dan pulau-pulau kepunyaannya, termasuk perairan wilayah dan mana-mana kawasan di luar perairan wilayah yang ke atasnya Kesultanan Oman boleh, menurut undang-undang antarabangsa dan undang-undang Kesultanan Oman, menjalankan hak kedaulatan berkenaan dengan penerokaan dan pengeksploitasian sumber alam dasar laut dan tanah bawah serta perairan superjasean;

(c) perkataan-perkataan "suatu Negara Pejanji" dan "Negara Pejanji yang satu lagi" bermakna Negara Brunei Darussalam atau Kesultanan Oman mengikut kehendak konteksnya;

(d) perkataan "orang" termasuk individu, syarikat, kumpulan orang dan mana-mana entiti lain yang disifatkan sebagai entiti yang boleh dikenakan cukai di bawah undang-undang pencukaian yang berkuatkuasa di Negara-Negara Pejanji masing-masing;

(e) perkataan "syarikat" bermakna mana-mana badan korporat atau mana-mana entiti yang disifatkan sebagai suatu badan korporat bagi maksud-maksud cukai;

(f) perkataan-perkataan "perusahaan suatu Negara Pejanji" dan "perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi" masing-masing bermakna suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dan suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi;

(g) perkataan "lalulintas antarabangsa" bermakna apa jua pengangkutan dengan sesebuah kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji, kecuali jika kapal atau pesawat udara itu dikendalikan semata-mata di antara tempat-tempat di dalam Negara Pejanji yang satu lagi;

(h) perkataan "rakyat" bermakna —

(i) mana-mana orang sebenar yang bertaraf seorang rakyat di bawah undang-undang yang terpakai di Negara-Negara Pejanji masing-masing;

(ii) mana-mana orang di sisi undang-undang, perkongsian atau persatuan yang memperolehi tarafnya yang sedemikian itu dari undang-undang yang berkuatkuasa di suatu Negara Pejanji;

(i) perkataan "pihak berkuasa yang layak" bermakna —

(i) dalam hal Negara Brunei Darussalam, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa;

(ii) dalam hal Kesultanan Oman, Menteri Ekonomi Negara dan Penyalia Kementerian Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa;

(j) perkataan "cukai" bermakna cukai Negara Brunei Darussalam atau cukai Oman, mengikut kehendak konteksnya, tetapi tidaklah termasuk sebarang amaun yang kena dibayar berkaitan dengan sebarang keingkaran atau peninggalan berhubung dengan cukai-cukai yang dikenakan Perjanjian ini atau yang merupakan suatu penalti yang dikenakan berhubung dengan cukai-cukai tersebut;

2. Berhubung dengan penerapan Perjanjian ini pada bila-bila masa oleh suatu Negara Pejanji, sebarang perkataan yang tidak ditakrifkan dalam Perkara ini hendaklah, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, mempunyai makna yang dipunyainya pada masa itu di bawah undang-undang Negara Pejanji itu bagi maksud-maksud cukai yang dikenakan Perjanjian ini, apa-apa makna di bawah undang-undang cukai yang terpakai Negara Pejanji itu

mengatasi sesuatu makna yang diberikan kepada perkataan itu di bawah undang-undang lain Negara Pejanji itu.

#### Perkara 4

#### PEMASTAUTIN

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, perkataan "pemastautin suatu Negara Pejanji" bermakna mana-mana orang yang, di bawah undang-undang Negara Pejanji itu, boleh dikenakan cukai di dalamnya oleh kerana domisilnya, tempat kediamannya, tempat pengurusannya, tempat pendaftarannya atau sebarang kriteria lain yang serupa, dan juga termasuk Negara Pejanji itu atau badan berkanunnya.

2. Jika oleh kerana peruntukan-peruntukan perenggan 1 seseorang individu adalah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka tarafnya hendaklah ditentukan seperti berikut —

(a) dia hendaklah dianggap hanya sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana dia mempunyai tempat tinggal tetap yang tersedia untuknya; jika dia mempunyai tempat tinggal tetap yang tersedia untuknya di kedua-dua Negara Pejanji, dia hendaklah dianggap hanya sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana hubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan yang utama);

(b) jika Negara Pejanji di mana dia mempunyai pusat kepentingannya yang utama tidak dapat ditentukan, atau jika dia tidak mempunyai tempat tinggal tetap yang tersedia untuknya di salah satu Negara Pejanji, dia hendaklah dianggap hanya sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;

(c) jika dia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara Pejanji atau tidak mempunyainya di salah satu Negara Pejanji, dia hendaklah dianggap hanya sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana dia menjadi rakyatnya;

(d) jika taraf mastautinnya tidak dapat ditentukan disebabkan oleh perenggan-perenggan kecil (a) hingga (c) mengikut urutan itu, pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan perkara itu dengan persetujuan bersama.

3. Jika oleh kerana peruntukan-peruntukan perenggan 1 seseorang selain daripada seorang individu adalah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka hendaklah dianggap hanya sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana tempat pengurusannya yang berkesan terletak. Jika tempat pengurusan yang berkesan tidak dapat ditentukan, pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan perkara itu dengan persetujuan bersama.

**Perkara 5**

**BANGUNAN TETAP**

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, perkataan "bangunan tetap" bermakna suatu tempat perniagaan tetap yang melaluinya perniagaan sesuatu perusahaan itu dijalankan seluruhnya atau sebahagiannya.
2. Perkataan "bangunan tetap" termasuk terutamanya —
  - (a) suatu tempat pengurusan;
  - (b) suatu cawangan;
  - (c) suatu pejabat;
  - (d) suatu kilang;
  - (e) suatu bengkel;
  - (f) suatu perkebunan atau perladangan; dan
  - (g) suatu lombong, telaga minyak atau gas, kuari atau mana-mana tempat lain untuk mengekstrak atau meneroka sumber asli.
3. Perkataan "bangunan tetap" juga meliputi —
  - (a) suatu tapak bangunan atau suatu projek pembinaan atau pemasangan atau pemasangan atau kegiatan-kegiatan penyeliaan yang berhubung dengannya, tetapi hanya jika tapak, projek atau kegiatan-kegiatan tersebut berterusan bagi tempoh selama lebih dari enam (6) bulan;
  - (b) pemberian perkhidmatan, termasuk perkhidmatan pakar runding, oleh suatu perusahaan melalui pekerja-pekerja atau kakitangan lain yang diguna khidmat oleh perusahaan itu bagi maksud tersebut, tetapi hanya jika kegiatan-kegiatan seperti itu berterusan (bagi projek yang sama atau berkaitan) di dalam suatu Negara Pejanji bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah lebih dari tiga (3) bulan dalam mana-mana tempoh dua belas bulan.
4. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara ini yang terdahulu, perkataan "bangunan tetap" hendaklah dianggap tidak termasuk —
  - (a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi maksud untuk menyimpan atau mempamerkan barang-barang atau barang niaga kepunyaan perusahaan itu;

*(b)* penyelenggaraan suatu stok barang-barang atau barang niaga kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud untuk menyimpan atau mempamerkan;

*(c)* penyelenggaraan suatu stok barang-barang atau barang niaga kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud untuk diproses oleh perusahaan lain;

*(d)* penyelenggaraan suatu tempat perniagaan tetap semata-mata bagi maksud untuk membeli barang-barang atau barang niaga, atau untuk mengumpul maklumat, bagi perusahaan itu;

*(e)* penyelenggaraan suatu tempat perniagaan tetap semata-mata bagi maksud untuk menjalankan, bagi perusahaan itu, sebarang kegiatan lain yang bersifat persediaan atau tambahan;

*(f)* penyelenggaraan suatu tempat perniagaan tetap semata-mata bagi sebarang gabungan kegiatan yang disebutkan dalam perenggan-perenggan kecil *(a)* hingga *(e)*, dengan syarat bahawa keseluruhan kegiatan tempat perniagaan tetap itu yang berbangkit dari gabungan ini adalah bersifat persediaan atau tambahan.

5. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2, jika seseorang - selain daripada ejen bertaraf bebas yang dikenakan perenggan 6 - bertindak di suatu Negara Pejanji bagi pihak suatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi, maka perusahaan itu hendaklah dianggap mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan berkaitan dengan sebarang kegiatan yang dijalankan oleh orang itu untuk perusahaan tersebut, jika orang itu -

*(a)* mempunyai dan lazimnya menjalankan di Negara Pejanji itu kuasa untuk membuat kontrak-kontrak atas nama perusahaan itu, melainkan jika kegiatan-kegiatan orang itu terhad kepada kegiatan-kegiatan yang disebutkan dalam perenggan 4 yang, jika dijalankan melalui suatu tempat perniagaan tetap, tidak akan menjadikan tempat perniagaan tetap ini suatu bangunan tetap di bawah peruntukan-peruntukan perenggan itu; atau

*(b)* tidak mempunyai kuasa tersebut, tetapi lazimnya menyelenggarakan di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan suatu stok barang-barang atau barang niaga yang daripadanya dia menyerahkan barang-barang atau barang niaga bagi pihak perusahaan itu.

6. Suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji tidaklah boleh dianggap mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Pejanji yang satu lagi semata-mata kerana perusahaan itu menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi itu melalui seorang broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, dengan syarat bahawa orang-orang itu bertindak dalam perjalanan

biasa perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, jika kegiatan-kegiatan ejen tersebut ditumpukan seluruhnya atau hampir seluruhnya bagi pihak perusahaan itu, dia tidak akan dianggap sebagai ejen bertaraf bebas dalam makna perenggan ini.

7. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara ini yang terdahulu, suatu perusahaan insurans dari suatu Negara Pejanji hendaklah, kecuali berhubung dengan insurans semula, dianggap mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Pejanji yang satu lagi jika perusahaan insurans itu memungut premium di Negara Pejanji yang satu lagi itu atau menginsuranskan risiko yang terletak di dalamnya melalui seseorang pekerja atau melalui seseorang wakil yang bukan ejen bertaraf bebas dalam makna perenggan 6.

8. Hakikat bahawa suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, atau yang menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi itu (sama ada melalui suatu bangunan tetap atau pun selainnya), tidaklah boleh dengan sendirinya menjadikan salah satu syarikat itu suatu bangunan tetap kepada syarikat yang satu lagi.

#### **Perkara 6**

#### **PENDAPATAN DARI HARTA TAK ALIH**

1. Pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dari harta tak alih (termasuk pendapatan dari pertanian, perikanan atau perhutanan) yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Perkataan "harta tak alih" hendaklah mempunyai makna yang dipunyainya di bawah undang-undang Negara Pejanji di mana harta yang berkenaan itu terletak. Perkataan itu hendaklah dalam sebarang hal termasuk harta tambahan kepada harta tak alih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian, perikanan (termasuk pembiakan dan pemeliharaan ikan) dan perhutanan, hak-hak yang dikenakan peruntukan-peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah. Usufuk harta tak alih dan hak-hak kepada pembayaran berubah atau tetap sebagai balasan kerana mengerjakan, atau hak untuk mengerjakan, longgokan galian, sumber dan sumber alam yang lain hendaklah juga dianggap sebagai "harta tak alih". Kapal dan pesawat udara tidaklah boleh dianggap sebagai harta tak alih.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah dikenakan kepada pendapatan yang diperolehi dari penggunaan langsung, penyewaan, atau penggunaan dalam sebarang bentuk lain harta tak alih.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 3 hendaklah juga dikenakan kepada pendapatan dari harta tak alih suatu perusahaan dan pendapatan dari harta tak alih yang digunakan bagi melaksanakan perkhidmatan persendirian secara bebas.

#### Perkara 7

#### KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Keuntungan suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji boleh dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji itu melainkan jika perusahaan itu menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya. Jika perusahaan itu menjalankan perniagaan sebagaimana yang disebutkan di atas, keuntungan perusahaan itu boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi tetapi hanya sebanyak mana dari keuntungan itu yang disebabkan oleh (a) bangunan tetap itu; (b) jualan di Negara Pejanji yang satu lagi itu barang-barang atau barang niaga yang sama atau serupa jenisnya dengan barang-barang atau barang niaga yang dijual melalui bangunan tetap itu; atau (c) kegiatan-kegiatan perniagaan lain yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu yang sama atau serupa jenisnya dengan yang dijalankan melalui bangunan tetap itu.

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 3, jika suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah ada di tiap-tiap Negara Pejanji disebabkan oleh bangunan tetap itu keuntungan yang dijangka mungkin dibuat olehnya jika ia adalah suatu perusahaan yang berlainan dan berasingan yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang sama atau serupa di bawah keadaan-keadaan yang sama atau serupa dan berurusan dengan sepenuh kebebasan dengan perusahaan yang berupa suatu bangunan tetap.

3. Dalam menentukan keuntungan suatu bangunan tetap, maka hendaklah diberikan sebagai potongan perbelanjaan yang dilakukan bagi maksud-maksud perniagaan bangunan tetap itu termasuk perbelanjaan eksekutif dan pentadbiran am yang dilakukan demikian, sama ada di Negara Pejanji di mana bangunan tetap itu terletak atau di tempat lain, dengan syarat bahawa potongan tersebut adalah menurut peruntukan-peruntukan dan tertakluk kepada batasan undang-undang cukai Negara Pejanji itu.

4. Setakat mana telah menjadi kelaziman di suatu Negara Pejanji untuk menentukan keuntungan yang disebabkan oleh suatu bangunan tetap berasaskan kepada pembahagian jumlah keuntungan perusahaan itu kepada beberapa bahagiannya, tiada sebarang apa pun dalam perenggan 2 boleh menghalang Negara Pejanji itu dari menentukan keuntungan yang akan dicukai mengikut pembahagian yang mungkin menjadi kelaziman. Kaedah pembahagian yang diterimapakai hendaklah, walau bagaimanapun, sebegitu rupa sehingga hasilnya adalah menurut prinsip-prinsip yang terkandung dalam Perkara ini.

5. Tiada keuntungan boleh disebabkan oleh suatu bangunan tetap hanya kerana bangunan tetap itu membeli barang-barang atau barang niaga untuk perusahaan itu.
6. Bagi maksud perenggan-perenggan yang terdahulu, keuntungan yang disebabkan oleh bangunan tetap itu hendaklah ditentukan dengan kaedah yang sama dari tahun ke setahun melainkan jika terdapat sebab yang memuaskan dan mencukupi sebaliknya.
7. Jika keuntungan termasuk butiran-butiran pendapatan yang ditangani secara berasingan dalam Perkara-Perkara lain Perjanjian ini, maka peruntukan-peruntukan Perkara-Perkara tersebut tidak akan terjejas oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

### **Perkara 8**

#### **PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA**

1. Keuntungan suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji dari pengendalian kapal-kapal atau pesawat udara dalam lalulintas antarabangsa hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja.
2. Bagi maksud-maksud Perkara ini, keuntungan dari pengendalian kapal-kapal atau pesawat udara dalam lalulintas antarabangsa hendaklah termasuk —
  - (a) keuntungan dari penyewaan kapal-kapal atau pesawat udara berdasarkan kapal kosong; dan
  - (b) keuntungan dari penggunaan, penyelenggaraan atau penyewaan kontena (termasuk treler dan kelengkapan berkaitan bagi pengangkutan kontena) yang digunakan untuk mengangkut barang-barang atau barang niaga,jika penyewaan tersebut atau penggunaan, penyelenggaraan atau penyewaan tersebut, mengikut mana yang berkenaan, adalah bersampingan dengan pengendalian kapal-kapal atau pesawat udara dalam lalulintas antarabangsa.
3. Bagi maksud-maksud Perkara ini, faedah ke atas akaun-akaun bank yang ada kaitan langsung dengan pengendalian kapal-kapal atau pesawat udara dalam lalulintas antarabangsa hendaklah dianggap sebagai keuntungan yang diperolehi dari pengendalian kapal-kapal atau pesawat udara itu, dan peruntukan-peruntukan Perkara 11 tidaklah boleh dikenakan berhubung dengan faedah tersebut.
4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 hendaklah juga dikenakan kepada keuntungan yang diperolehi dari penyertaan dalam suatu perkhidmatan, perniagaan bersama atau agensi pengendalian antarabangsa.

5. Perkataan "pengendalian kapal-kapal atau pesawat udara" bermakna perniagaan pengangkutan dengan jalan laut atau udara penumpang-penumpang, mel, ternakan atau barang-barang yang dijalankan oleh pemilik, penerima pajak atau pencarter kapal-kapal atau pesawat udara, termasuk penjualan tiket-tiket bagi pengangkutan tersebut bagi pihak perusahaan-perusahaan lain, penyewaan sampingan kapal-kapal atau pesawat udara dan sebarang kegiatan lain yang ada kaitan langsung dengan pengangkutan tersebut.

6. Bagi maksud-maksud Perkara ini, perenggan 3 Perkara 14 dan perenggan 3 Perkara 16, dengan tidak menghiraukan perenggan (1)(f) Perkara 3, perkataan "perusahaan Negara Pejanji" berkenaan dengan pengendalian pesawat udara dalam lalulintas antarabangsa bermakna —

(a) dalam hal Negara Brunei Darussalam, Royal Brunei Airline dan mana-mana perusahaan pengangkutan udara lain yang dijalankan oleh pemastautin Negara Brunei Darussalam;

(b) dalam hal Kesultanan Oman, Oman Aviation Services Company (SAOG), Gulf Air Company dan mana-mana perusahaan pengangkutan udara lain yang dijalankan oleh pemastautin Kesultana Oman.

### Perkara 9

#### PERUSAHAAN BERSEKUTU

1. Jika —

(a) suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, kawalan atau modal suatu perusahaan dari Negara Pejanji yang satu lagi, atau

(b) orang-orang yang sama menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, kawalan atau modal suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji dan suatu perusahaan dari Negara Pejanji yang satu lagi,

dan dalam salah satu hal syarat-syarat adalah dibuat atau dikenakan di antara kedua-dua perusahaan itu dalam hubungan perdagangan atau kewangan mereka yang berlainan dari syarat-syarat yang akan dibuat di antara perusahaan-perusahaan bebas, maka sebarang keuntungan yang mungkin, jika tidak kerana syarat-syarat itu, telah terakru kepada salah satu dari perusahaan-perusahaan itu, tetapi, oleh kerana syarat-syarat tersebut, tidak terakru sedemikian, boleh dimasukkan dalam keuntungan perusahaan itu dan dicukai dengan sewajarnya.

2. Jika suatu Negara Pejanji memasukkan, menurut peruntukan-peruntukan perenggan 1, dalam keuntungan suatu perusahaan dari Negara Pejanji itu — dan mengenakan cukai dengan sewajarnya — keuntungan yang atasnya suatu perusahaan dari Negara Pejanji yang satu lagi telah dikenakan cukai di Negara

Pejanji yang satu lagi itu dan jika pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji bersetuju, selepas berunding, bahawa semua atau sebahagian dari keuntungan yang dimasukkan itu adalah keuntungan yang mungkin telah terakru kepada perusahaan dari Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan itu jika syarat-syarat yang dibuat di antara kedua-dua perusahaan itu adalah syarat-syarat yang mungkin telah dibuat di antara perusahaan-perusahaan bebas, maka Negara Pejanji yang satu lagi itu hendaklah membuat suatu penyelarasan yang bersesuaian kepada amaun cukai yang dikenakan di dalamnya atas keuntungan yang dipersetujui itu. Dalam menentukan penyelarasan tersebut, perhatian yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini dan pihak-pihak berkuasa yang layak hendaklah jika perlu berunding antara satu sama lain.

#### Perkara 10

#### DIVIDEN

1. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, dividen tersebut boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana syarikat yang membayar dividen itu menjadi pemastautin dan menurut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi jika pemilik benefisial dividen itu menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, maka cukai yang dikenakan itu tidaklah boleh melebihi lima (5) peratus dari amaun kasar dividen itu.

Pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji hendaklah dengan persetujuan bersama menyelesaikan cara untuk mengenakan batasan ini.

Perenggan ini tidak akan menjejaskan pencukuaian syarikat itu berkaitan dengan keuntungan yang darinya dividen tersebut dibayar.

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 2, dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji kepada Kerajaan Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan.

4. Bagi maksud-maksud perenggan 3, perkataan "Kerajaan" hendaklah termasuk —

(a) dalam hal Brunei Darussalam —

(i) Lembaga Matawang dan Monetari Brunei;

(ii) Agensi Pelaburan Brunei;

- (iii) Lembaga Tabung Amanah Pekerja; dan
- (iv) mana-mana badan berkanun atau institusi lain yang dimiliki seluruhnya oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang mungkin dipersetujui di antara kedua-dua Negara Pejanji; dan

(b) dalam hal Kesultanan Oman Negara —

- (i) Bank Pusat Oman;
- (ii) Dana Rizab Am Negara;
- (iii) Dana Pencen Perkhidmatan Awam;
- (iv) Organisasi Am bagi Keselamatan Sosial; dan
- (v) mana-mana badan berkanun atau institusi lain yang dimiliki seluruhnya oleh Kerajaan Kesultanan Oman sebagaimana yang mungkin dipersetujui di antara kedua-dua Negara Pejanji.

5. Perkataan "dividen" yang digunakan dalam Perkara ini bermakna pendapatan dari syer-syer, syer-syer "jouissance" atau hak-hak "jouissance", syer-syer perlombongan, syer-syer pengasas atau hak-hak lain, bukannya tuntutan hutang, penyertaan keuntungan, dan juga pendapatan dari hak-hak korporat yang lain yang tertakluk kepada layanan percukaian yang sama sebagai pendapatan dari syer-syer menurut undang-undang Negara Pejanji di mana syarikat yang membuat pengagihan itu menjadi pemastautin.

6. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah boleh dikenakan jika pemilik benefisial dividen tersebut, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana syarikat yang membayar dividen tersebut menjadi pemastautin, melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, atau melaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian secara bebas dari suatu pusat operasi tetap yang terletak di dalamnya, dan pemegangan yang berkaitan dengannya dividen itu dibayar sebenarnya ada hubungan dengan bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut. Dalam hal itu peruntukan-peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan.

7. Jika suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji memperoleh keuntungan atau pendapatan dari Negara Pejanji yang satu lagi, Negara Pejanji yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan sebarang cukai ke atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu, kecuali setakat mana dividen itu dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu atau setakat mana pemegangan yang berkaitan dengannya dividen itu dibayar sebenarnya ada hubungan dengan suatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi itu, atau keuntungan tak diagihkan

syarikat itu tidak boleh tertakluk kepada cukai ke atas keuntungan tak diagihkan syarikat itu, walaupun dividen yang dibayar atau keuntungan tak diagihkan itu mengandungi seluruhnya atau sebahagiannya keuntungan atau pendapatan yang berbangkit di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

8. Peruntukan-peruntukan Perkara ini tidaklah boleh dikenakan jika tujuan utama atau salah satu tujuan utama mana-mana orang yang terlibat dengan perwujudan atau penyerahan hak syer-syer atau hak-hak lain yang berkaitan dengannya dividen itu dibayar adalah untuk mengambil faedah Perkara ini melalui perwujudan atau penyerahan hak itu.

#### Perkara 11

#### FAEDAH

1. Faedah yang berbangkit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, faedah itu boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana faedah itu berbangkit dan menurut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi jika pemilik benefisial faedah itu menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, maka cukai yang dikenakan itu tidaklah boleh melebihi sepuluh (10) peratus dari amaun kasar faedah itu.

Pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji hendaklah dengan persetujuan bersama menyelesaikan cara untuk mengenakan batasan ini.

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 2, faedah yang berbangkit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada Kerajaan Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan.

4. Bagi maksud-maksud perenggan 3, perkataan "Kerajaan" hendaklah termasuk —

(a) dalam hal Negara Brunei Darussalam —

- (i) Lembaga Matawang dan Monetari Brunei;
- (ii) Agensi Pelaburan Brunei;
- (iii) Lembaga Tabung Amanah Pekerja; dan
- (iv) mana-mana badan berkanun atau institusi lain yang dimiliki seluruhnya oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang mungkin dipersetujui di antara kedua-dua Negara Pejanji; dan

(b) dalam hal Kesultanan Oman —

- (i) Bank Pusat Oman;
- (ii) Dana Rizab Am Negara;
- (iii) Dana Pencen Perkhidmatan Awam;
- (iv) Organisasi Am bagi Keselamatan Sosial; dan
- (v) Mana-mana badan berkanun atau institusi lain yang dimiliki seluruhnya oleh Kerajaan Kesultanan Oman sebagaimana yang mungkin dipersetujui di antara kedua-dua Negara Pejanji;

5. Perkataan "faedah" yang digunakan dalam Perkara ini bermakna pendapatan dari setiap jenis tuntutan hutang, sama ada atau tidak dicagarkan dengan gadaijanji dan sama ada atau tidak memberi hak untuk menyertai dalam keuntungan penghutang, dan terutamanya, pendapatan dari sekuriti-sekuriti kerajaan dan pendapatan dari bon-bon atau debentur-debentur, termasuk premium dan prize yang dikenakan kepada sekuriti-sekuriti, bon-bon atau debentur-debentur tersebut. Bayaran penalti kerana terlewat membuat bayaran tidaklah boleh dianggap sebagai faedah bagi maksud Perkara ini.

6. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah boleh dikenakan jika pemilik benefisial faedah itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana faedah itu berbangkit, melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, atau melaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian secara bebas dari suatu pusat operasi tetap yang terletak di dalamnya, dan tuntutan hutang yang berkaitan dengannya faedah itu dibayar sebenarnya ada hubungan dengan (a) bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut, atau (b) kegiatan-kegiatan perniagaan yang disebut dalam perenggan kecil (c) perenggan 1 Perkara 7. Dalam hal itu, peruntukan-peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan.

7. Faedah hendaklah dianggap berbangkit di suatu Negara Pejanji jika pembayarnya menjadi pemastautin Negara Pejanji itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar faedah itu, sama ada dia adalah pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang berhubung dengannya keberhutangan yang atasnya faedah itu dibayar telah dilakukan, dan faedah itu ditanggung oleh bangunan tetap atau pusat operasi tersebut, maka faedah itu hendaklah dianggap berbangkit di Negara Pejanji di mana bangunan tetap atau pusat operasi tersebut terletak.

8. Jika, oleh kerana hubungan istimewa di antara pembayar dengan pemilik benefisial atau di antara mereka berdua dengan orang lain, amaun faedah, dengan mengambil kira tuntutan hutang yang atasnya faedah itu dibayar, melebihi dari amaun yang mungkin telah dipersetujui oleh pembayar dan pemilik benefisial sekiranya hubungan seperti itu tidak ada, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dikenakan hanya kepada amaun yang terakhir disebutkan sahaja. Dalam hal tersebut, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah tetap dikenakan cukai menurut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.

9. Peruntukan-peruntukan Perkara ini tidaklah boleh dikenakan jika tujuan utama atau salah satu tujuan utama mana-mana orang yang terlibat dengan perwujudan atau penyerahan hak tuntutan hutang yang berkaitan dengannya faedah itu dibayar adalah untuk mengambil faedah Perkara ini melalui perwujudan atau penyerahan hak itu.

## Perkara 12

### ROYALTI

1. Royalti yang berbangkit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, royalti itu boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana royalti itu berbangkit dan menurut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi jika pemilik benefisial royalti itu menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, maka cukai yang dikenakan itu tidaklah boleh melebihi sepuluh (10) peratus dari amaun kasar royalti itu.

Pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji hendaklah dengan persetujuan bersama menyelesaikan cara untuk mengenakan batasan ini.

3. Perkataan "royalti" yang digunakan dalam Perkara ini bermakna sebarang jenis bayaran yang diterima sebagai balasan kerana menggunakan, atau hak untuk menggunakan, sebarang hakcipta ke atas karya sastera, seni atau saintifik termasuk perisian komputer, filem sinematografi, atau filem atau pita atau cakera yang digunakan untuk siaran radio atau televisyen, sebarang paten, tanda perniagaan, rekabentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, atau kerana menggunakan, atau hak untuk menggunakan, kelengkapan perindustrian, perdagangan atau saintifik, atau untuk maklumat berhubung dengan pengalaman perindustrian, perdagangan atau saintifik.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah boleh dikenakan jika pemilik benefisial royalti itu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana royalti itu berbangkit, melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, atau

melaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian secara bebas dari suatu pusat operasi tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta yang berkaitan dengannya royalti itu dibayar sebenarnya ada hubungan dengan (a) bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut atau (b) kegiatan-kegiatan perniagaan yang disebut dalam perenggan kecil (c) perenggan 1 Perkara 7. Dalam hal itu, peruntukan-peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan.

5. Royalti hendaklah dianggap berbangkit di suatu Negara Pejanji jika pembayarannya adalah pemastautin Negara Pejanji itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar royalti itu sama ada dia adalah pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang berhubung dengannya liabiliti untuk membayar royalti itu telah dilakukan, dan royalti itu ditanggung oleh bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut, maka royalti itu hendaklah dianggap berbangkit di Negara Pejanji di mana bangunan tetap atau pusat operasi tetap itu terletak.

6. Jika, oleh kerana hubungan istimewa di antara pembayar dengan pemilik benefisial atau di antara mereka berdua dengan orang lain, amaun royalti, dengan mengambil kira penggunaan, hak atau maklumat yang kerananya royalti itu dibayar, melebihi dari amaun yang mungkin telah dipersetujui oleh pembayar dan pemilik benefisial sekiranya hubungan seperti itu tidak ada, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dikenakan hanya kepada amaun yang terakhir disebutkan sahaja. Dalam hal tersebut, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah tetap dikenakan cukai menurut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.

7. Peruntukan-peruntukan Perkara ini tidaklah boleh dikenakan jika tujuan utama atau salah satu tujuan utama mana-mana orang yang terlibat dengan perwujudan atau penyerahan hak-hak yang berkaitan dengannya royalti itu dibayar adalah untuk mengambil faedah Perkara ini melalui perwujudan atau penyerahan hak itu.

### Perkara 13

#### BAYARAN TEKNIKAL

1. Bayaran teknikal yang berbangkit di suatu Negara Pejanji yang diperolehi oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, bayaran teknikal tersebut boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana bayaran itu berbangkit dan menurut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi jika pemilik benefisial bayaran teknikal itu menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, maka cukai yang dikenakan itu tidaklah boleh melebihi sepuluh (10) peratus dari amaun kasar bayaran teknikal tersebut.

3. Perkataan "bayaran teknikal" yang digunakan dalam Perkara ini bermakna sebarang jenis bayaran kepada mana-mana orang, selain daripada seseorang pekerja bagi orang yang membuat bayaran itu, sebagai balasan kerana sebarang perkhidmatan yang berbentuk teknikal, pengurusan atau pakar runding.
4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah boleh dikenakan jika pemilik benefisial bayaran teknikal itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana bayaran teknikal itu berbangkit melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, atau melaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian secara bebas dari suatu pusat operasi tetap yang terletak di dalamnya, dan bayaran teknikal itu sebenarnya ada hubungan dengan (a) bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut atau (b) kegiatan-kegiatan perniagaan yang disebut dalam perenggan kecil (c) perenggan 1 Perkara 7. Dalam hal itu, peruntukan-peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan.
5. Bayaran teknikal hendaklah dianggap berbangkit di suatu Negara Pejanji jika pembayarannya adalah pemastautin Negara Pejanji itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membuat bayaran teknikal itu, sama ada dia adalah pemastautin Negara Pejanji itu atau tidak, mempunyai di Negara Pejanji itu suatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang berhubung dengannya liabiliti untuk membuat bayaran teknikal itu telah dilakukan, dan bayaran teknikal itu ditanggung oleh bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut, maka bayaran teknikal itu hendaklah dianggap berbangkit di Negara Pejanji di mana bangunan tetap atau pusat operasi tetap itu terletak.
6. Jika, oleh kerana hubungan istimewa di antara pembayar dengan pemilik benefisial atau di antara mereka berdua dengan orang lain, amaun bayaran teknikal yang dibayar itu melebihi, atas apa jua sebab pun, dari amaun yang mungkin telah dipersetujui oleh pembayar dan pemilik benefisial sekiranya hubungan seperti itu tidak ada, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dikenakan hanya kepada amaun yang terakhir disebutkan sahaja. Dalam hal tersebut, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah tetap dikenakan cukai menurut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.
7. Peruntukan-peruntukan Perkara ini tidaklah boleh dikenakan jika tujuan utama atau salah satu tujuan utama mana-mana orang yang terlibat dengan perwujudan atau penyerahan hak-hak yang berkaitan dengannya bayaran teknikal itu dibayar adalah untuk mengambil faedah Perkara ini melalui perwujudan atau penyerahan hak itu.

**Perkara 14****LABA MODAL**

1. Laba yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dari pemberian milik harta tak alih yang disebut dalam Perkara 6 dan terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.
2. Laba dari pemberian milik harta alih yang merupakan sebahagian dari harta perniagaan suatu bangunan tetap yang dipunyai oleh suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi atau harta alih yang berkaitan dengan suatu pusat operasi tetap yang tersedia untuk pemastautin suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud melaksanakan perkhidmatan persendirian secara bebas, termasuk laba dari pemberian milik bangunan tetap tersebut (bersendirian atau bersama dengan seluruh perusahaan itu) atau pusat operasi tetap tersebut, boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.
3. Laba yang diperolehi oleh suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji dari pemberian milik kapal-kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa atau harta alih yang berkaitan dengan pengendalian kapal-kapal atau pesawat udara tersebut hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja.
4. Laba dari pemberian milik sebarang harta selain dari yang disebut dalam perenggan-perenggan 1, 2 dan 3, hanya boleh dicukai di Negara Pejanji di mana pemberi milik adalah pemastautin.

**Perkara 15****PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN SECARA BEBAS**

1. Pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkaitan dengan perkhidmatan profesional atau kegiatan-kegiatan lain yang bebas sifatnya hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja melainkan jika dia mempunyai suatu pusat operasi tetap yang sentiasa tersedia kepadanya di Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud melaksanakan kegiatan-kegiatannya atau dia berada di Negara Pejanji yang satu lagi itu bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang melebihi pada keseluruhannya 183 hari dalam mana-mana tempoh dua belas bulan yang bermula atau berakhir pada tahun fiskal yang berkenaan. Jika dia mempunyai pusat operasi tetap tersebut atau berada di Negara Pejanji yang satu lagi itu bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang disebutkan di atas, pendapatan itu boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu tetapi hanya sebanyak mana dari pendapatan itu disebabkan oleh pusat operasi tetap tersebut atau diperolehi di Negara Pejanji yang satu lagi itu dalam suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang disebutkan di atas.

2. Perkataan "perkhidmatan profesional" termasuk terutamanya kegiatan-kegiatan saintifik, kesusasteraan, seni, pendidikan atau pengajaran secara bebas dan juga kegiatan-kegiatan pakar perubatan, peguam, jurutera, arkitek, doktor gigi dan akauntan secara bebas.

### Perkara 16

#### PERKHIDMATAN TANGGUNGAN PERSENDIRIAN

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara 17, 19 dan 20, gaji, upah dan ganjaran lain yang serupa yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkaitan dengan sesuatu pekerjaan hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja melainkan jika pekerjaan itu dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi. Jika pekerjaan itu dijalankan demikian, ganjaran yang diperolehi darinya boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1, ganjaran yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkaitan dengan sesuatu pekerjaan yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi hanya boleh dicukai di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan jika —

(a) penerimanya berada di Negara Pejanji yang satu lagi bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang tidak melebihi pada keseluruhannya 183 hari dalam mana-mana tempoh dua belas bulan yang bermula atau berakhir pada tahun fiskal yang berkenaan, dan

(b) ganjaran itu dibayar oleh, atau bagi pihak, seseorang majikan yang bukan pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, dan

(c) ganjaran itu tidak ditanggung oleh sesuatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang dipunyai oleh majikan itu di Negara Pejanji yang satu lagi.

3. Dengan tidak menghiraukan perenggan-perenggan Perkara ini yang terdahulu, ganjaran yang diperolehi oleh mana-mana pekerja suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji berkaitan dengan pekerjaan yang dijalankan di dalam sesebuah kapal atau pesawat udara dalam lalulintas antarabangsa, boleh dicukai di Negara Pejanji itu.

### Perkara 17

#### BAYARAN PENGARAH

Bayaran pengarah dan bayaran lain yang serupa yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai seorang ahli lembaga pengarah atau mana-mana orang lain yang serupa suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

**Perkara 18****ARTIS DAN AHLI SUKAN**

1. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara 15 dan 16, pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai penghibur, seperti artis teater, wayang gambar, radio atau televisyen, atau pemuzik, atau sebagai ahli sukan, dari kegiatan-kegiatan persendiriannya yang sedemikian itu yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.
2. Jika pendapatan berkaitan dengan kegiatan-kegiatan persendirian yang dijalankan oleh seseorang penghibur atau ahli sukan atas sifatnya yang demikian itu terakru bukan kepada penghibur atau ahli sukan itu sendiri tetapi kepada orang lain, pendapatan itu boleh, dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara 7, 15 dan 16, dicukai di Negara Pejanji di mana kegiatan-kegiatan penghibur atau ahli sukan itu dijalankan.
3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2, pendapatan yang diperolehi dari kegiatan-kegiatan yang disebut dalam perenggan 1 hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji di mana kegiatan-kegiatan itu dijalankan jika lawatan ke Negara Pejanji itu ditanggung sepenuhnya atau sebahagian besarnya oleh dana awam Negara Pejanji yang satu lagi atau badan berkanunnya.

**Perkara 19****PENCEN DAN BAYARAN KESELAMATAN SOSIAL**

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara 20, pencen dan ganjaran lain yang serupa yang dibayar kepada pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai balasan pekerjaan yang lalu hanya boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu sahaja.
2. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1, pencen yang dibayar dan bayaran lain yang dibuat di bawah suatu skim awam yang merupakan sebahagian dari sistem keselamatan sosial suatu Negara Pejanji hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja.

**Perkara 20****PERKHIDMATAN KERAJAAN**

1. (a) Gaji, upah dan ganjaran lain yang serupa, selain dari pencen, yang dibayar oleh suatu Negara Pejanji atau badan berkanunnya kepada mana-mana individu berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara

Pejanji itu atau badan berkanunnya hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja.

(b) Walau bagaimanapun, gaji, upah dan ganjaran lain yang serupa itu hanya boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi sahaja jika perkhidmatan itu diberikan di Negara Pejanji yang satu lagi itu dan individu tersebut adalah pemastautin Negara Pejanji itu, yang —

(i) menjadi rakyat Negara Pejanji itu, atau

(ii) tidak menjadi pemastautin Negara Pejanji itu semata-mata bagi maksud memberikan perkhidmatan tersebut.

2. (a) Sebarang pencen yang dibayar oleh, atau dari dana yang diwujudkan oleh, suatu Negara Pejanji atau badan berkanunnya kepada mana-mana individu berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara Pejanji itu atau badan berkanunnya hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja.

(b) Walau bagaimanapun, pencen tersebut hanya boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi sahaja jika individu itu menjadi pemastautin, dan rakyat, Negara Pejanji yang satu lagi itu.

3. Peruntukan-peruntukan Perkara 16, 17, 18 dan 19 dari Perjanjian ini hendaklah dikenakan kepada gaji, upah dan ganjaran lain yang serupa, dan pencen berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan berhubung dengan sesuatu perniagaan yang dijalankan oleh suatu Negara Pejanji atau badan berkanunnya.

## Perkara 21

### GURU DAN PENYELIDIK

1. Seseorang guru atau penyelidik yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji sejurus sebelum membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi dan yang, atas jemputan mana-mana universiti, maktab, sekolah atau institusi pendidikan lain yang serupa atau institusi penyelidikan saintifik yang diluluskan, melawat Negara Pejanji yang satu lagi itu bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari dua tahun dari tarikh ketibaannya di Negara Pejanji yang satu lagi itu semata-mata bagi maksud mengajar atau membuat penyelidikan atau keduanya di institusi pendidikan atau penyelidikan tersebut, hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu ke atas sebarang ganjaran yang diperolehi dari pengajaran atau penyelidikan tersebut.

2. Perkataan "diluluskan" dalam perenggan 1 merujuk kepada kelulusan yang diberikan oleh Negara Pejanji di mana universiti, maktab, sekolah atau institusi pendidikan lain yang serupa atau institusi penyelidikan saintifik itu terletak.

3. Perkara ini tidaklah boleh dikenakan kepada pendapatan dari penyelidikan yang dibuat jika penyelidikan tersebut dilakukan terutamanya untuk faedah sendiri orang atau orang-orang tertentu.

#### **Perkara 22**

##### **PELAJAR**

Bayaran yang diterima oleh seseorang pelajar atau perantis perniagaan bagi maksud nafkah, pendidikan atau latihannya yang menjadi atau telah menjadi sejurus sebelum membuat lawatan ke suatu Negara Pejanji pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi dan yang berada di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan semata-mata bagi maksud pendidikan atau latihannya tidak boleh dicukai di Negara Pejanji itu, dengan syarat bahawa bayaran tersebut berbangkit dari sumber-sumber di luar Negara Pejanji itu.

#### **Perkara 23**

##### **PENDAPATAN LAIN**

1. Butiran-butiran pendapatan pemastautin suatu Negara Pejanji, di mana sahaja berbangkit, yang tidak ditangani dalam Perkara-Perkara Perjanjian ini yang terdahulu hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidaklah boleh dikenakan kepada pendapatan, selain dari pendapatan dari harta tak alih sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 6, jika penerima pendapatan itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, atau melaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian secara bebas dari suatu pusat operasi tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta yang berkaitan dengannya pendapatan itu dibayar sebenarnya ada hubungan dengan bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut. Dalam hal itu, peruntukan-peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan.

#### **Perkara 24**

##### **CARA-CARA UNTUK MENIADAKAN CUKAI DUA KALI**

1. Dalam hal Negara Brunei Darussalam, cukai dua kali hendaklah ditiadakan seperti berikut —

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang Negara Brunei Darussalam berhubung dengan pemberian sebagai kredit terhadap cukai Negara Brunei Darussalam bagi cukai yang kena dibayar di suatu wilayah di luar Negara Brunei Darussalam (yang tidak akan menjejaskan prinsip am

Perkara ini), cukai yang dibayar di bawah undang-undang Kesultanan Oman dan menurut Perjanjian ini, sama ada secara langsung atau dengan cara potongan, ke atas keuntungan atau pendapatan dari sumber-sumber di dalam Kesultanan Oman hendaklah diberikan sebagai kredit terhadap sebarang cukai Negara Brunei Darussalam yang dihitung dengan merujuk kepada keuntungan atau pendapatan yang sama yang atasnya cukai Oman dihitung.

2. Dalam hal Kesultanan Oman, cukai dua kali hendaklah ditiadakan seperti berikut —

Jika pemastautin Kesultanan Oman memperolehi pendapatan yang, menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini, boleh dicukai di Negara Brunei Darussalam, Kesultanan Oman hendaklah memberikan sebagai potongan dari cukai ke atas pendapatan pemastautin itu suatu amaun yang bersamaan dengan cukai pendapatan yang dibayar di Negara Brunei Darussalam, sama ada secara langsung atau dengan cara potongan. Potongan tersebut tidaklah boleh, walau bagaimanapun, melebihi dari bahagian cukai pendapatan (yang dihitung sebelum potongan itu diberikan) yang disebabkan oleh pendapatan yang boleh dicukai di Negara Brunei Darussalam.

3. Cukai yang dibayar di suatu Negara Pejanji yang disebutkan dalam perenggan 1 dan 2 Perkara ini hendaklah dianggap termasuk cukai yang sepatutnya kena dibayar jika tidak kerana galakan cukai yang diberikan di bawah undang-undang Negara Pejanji itu dan yang bertujuan untuk menggalakkan perkembangan ekonomi.

#### Perkara 25

#### TIDAK BERAT SEBELAH

1. Rakyat suatu Negara Pejanji tidaklah boleh tertakluk di Negara Pejanji yang satu lagi kepada sebarang pencukaaian atau sebarang kehendak yang berkaitan dengannya yang berlainan atau lebih membebankan dari pencukaaian dan kehendak-kehendak berkaitan yang kepadanya rakyat Negara Pejanji yang satu lagi itu dalam hal keadaan yang sama, khususnya berhubung dengan tempat kediaman, adalah tertakluk atau mungkin tertakluk.

2. Pencukaaian ke atas suatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang dipunyai oleh suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi tidaklah boleh dilevi kurang baiknya di Negara Pejanji yang satu lagi itu dari pencukaaian yang dilevi ke atas perusahaan-perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi itu yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang sama. Peruntukan ini tidaklah boleh ditafsirkan sebagai mewajibkan suatu Negara Pejanji untuk memberi kepada pemastautin-pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi sebarang elaun persendirian, pelepasan dan pengurangan bagi maksud-maksud pencukaaian kerana taraf sivil atau tanggungjawab keluarga yang diberikan olehnya kepada pemastautin-pemastautinnya sendiri.

3. Perusahaan-perusahaan dari suatu Negara Pejanji, yang modalnya dimiliki atau dikawal seluruhnya atau sebahagiannya, secara langsung atau tidak langsung, oleh seorang pemastautin atau lebih Negara Pejanji yang satu lagi, tidaklah boleh tertakluk di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan kepada sebarang pencukaian atau sebarang kehendak yang berkaitan dengannya yang berlainan atau lebih membebankan dari pencukaian dan kehendak-kehendak berkaitan yang kepadanya perusahaan-perusahaan lain yang serupa dari Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan adalah tertakluk atau mungkin tertakluk.
4. Kecuali jika peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara 9, perenggan 8 Perkara 11, perenggan 6 Perkara 12 dan perenggan 6 perkara 13 dikenakan, faedah, royalti, bayaran teknikal dan pembayaran lain yang dibuat oleh suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh, bagi maksud untuk menentukan keuntungan yang boleh dicukai perusahaan itu, dipotong di bawah syarat-syarat yang sama seolah-olah ia telah dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan.
5. Peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dikenakan kepada cukai-cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini.

#### **Perkara 26**

#### **PROSEDUR PERSETUJUAN BERSAMA**

1. Jika seseorang itu menganggap bahawa tindakan salah satu atau kedua-dua Negara Pejanji mengakibatkannya atau akan mengakibatkannya dicukai tidak menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini, dia boleh, tanpa menghiraukan remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang domestik Negara-Negara Pejanji tersebut, mengemukakan kesnya kepada pihak berkuasa yang layak dari Negara Pejanji di mana dia menjadi pemastautin atau, jika kesnya termasuk di bawah perenggan 1 Perkara 25, kepada pihak berkuasa yang layak dari Negara Pejanji di mana dia adalah rakyatnya. Kes itu mestilah dikemukakan dalam masa dua tahun dari tindakan yang mengakibatkannya dicukai tidak menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini mula diberitahu.
2. Pihak berkuasa yang layak hendaklah berusaha, jika bantahan itu pada pendapatnya mempunyai justifikasi dan jika ia sendiri tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang memuaskan, untuk menyelesaikan kes itu dengan persetujuan bersama dengan pihak berkuasa yang layak dari Negara Pejanji yang satu lagi, dengan tujuan untuk mengelakkan pencukaian yang tidak menurut Perjanjian ini. Sebarang persetujuan yang dicapai hendaklah dilaksanakan walaupun terdapat sebarang had masa dalam undang-undang domestik Negara-Negara Pejanji.
3. Pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji hendaklah berusaha untuk menyelesaikan dengan persetujuan bersama sebarang kesulitan atau keraguan yang timbul tentang tafsiran atau penerapan Perjanjian ini.

4. Pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji boleh berhubung secara langsung antara satu sama lain bagi maksud mencapai persetujuan dalam erti kata perenggan-perenggan yang terdahulu.

**Perkara 27**

**PERTUKARAN MAKLUMAT**

1. Pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar maklumat sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini atau undang-undang domestik Negara-Negara Pejanji mengenai cukai-cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini, setakat mana pencukaian di bawahnya tidak bertentangan dengan Perjanjian ini, khususnya bagi mencegah penipuan atau pengelakan cukai-cukai tersebut. Pertukaran maklumat tidak disekat oleh Perkara 1. Sebarang maklumat yang diterima oleh suatu Negara Pejanji hendaklah disifatkan sebagai rahsia sama seperti maklumat yang diperolehi di bawah undang-undang domestik Negara Pejanji itu dan hendaklah didedahkan hanya kepada orang-orang atau pihak-pihak berkuasa (termasuk mahkamah-mahkamah dan badan-badan pentadbiran) yang terlibat dalam menaksir atau memungut, menguatkuasakan atau mendakwa berkaitan dengan, atau memutuskan rayuan-rayuan berkenaan dengan, cukai-cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini. Orang-orang atau pihak-pihak berkuasa tersebut hendaklah menggunakan maklumat itu hanya bagi maksud-maksud tersebut. Mereka boleh mendedahkan maklumat itu dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan kehakiman.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidak sekali-kali boleh ditafsirkan sebagai mengenakan kepada suatu Negara Pejanji kewajipan —

(a) untuk melaksanakan langkah-langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang dan amalan pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;

(b) untuk memberi maklumat yang tidak dapat diperolehi di bawah undang-undang atau dalam perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi; dan

(c) untuk memberi maklumat yang akan mendedahkan sebarang rahsia perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersial atau profesional atau proses perdagangan atau maklumat, yang pendedahannya adalah bertentangan dengan dasar awam (*ordre public*).

**Perkara 28**

**AHLI-AHLI MISI DIPLOMATIK DAN POS KONSUL**

Tiada sebarang apa pun dalam Perjanjian ini boleh menjejaskan keistimewaan fiskal ahli-ahli misi diplomatik atau pos konsul di bawah aturan-aturan am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan-peruntukan perjanjian khas.

**Perkara 29**

**PROTOKOL**

Protokol yang disertakan merupakan bahagian yang melengkapkan Perjanjian ini.

**Perkara 30**

**MULA BERKUATKUASA**

Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada hari yang ketiga puluh selepas tarikh pertukaran nota diplomatik yang menyatakan bahawa prosedur undang-undang dalam negeri yang diperlukan disetiap Negara Pejanji bagi Perjanjian ini mula berkuatkuasa telah selesai dibuat. Perjanjian ini hendaklah selepas itu berkuatkuasa seperti berikut —

(a) di Negara Brunei Darussalam, berkaitan dengan pendapatan yang diperolehi dalam tahun-tahun yang boleh dikenakan cukai yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari selepas tarikh Perjanjian ini mula berkuatkuasa; dan

(b) di Kesultanan Oman —

- (i) berkaitan dengan cukai-cukai yang ditahan mengikut sumber: bagi amaun yang dibayar atau dikreditkan pada atau selepas hari pertama bulan Januari selepas tarikh Perjanjian ini mula berkuatkuasa; dan
- (ii) berkaitan dengan cukai-cukai lain: bagi mana-mana tahun yang boleh dikenakan cukai yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari selepas tarikh Perjanjian ini mula berkuatkuasa.

**Perkara 31**

**PENAMATAN**

Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa sehingga ditamatkan oleh suatu Negara Pejanji. Salah satu Negara Pejanji boleh menamatkan Perjanjian ini, melalui saluran diplomatik, dengan memberi notis penamatan secara bertulis

pada atau sebelum tiga puluh haribulan Jun pada mana-mana tahun kalendar selepas tempoh lima tahun dari tahun Perjanjian ini mula berkuatkuasa. Dalam hal itu, Perjanjian ini hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa seperti berikut –

(a) di Negara Brunei Darussalam, berkaitan dengan pendapatan yang diperolehi dalam tahun yang boleh dikenakan cukai yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari selepas tahun notis penamatan itu diberikan dan tahun-tahun yang boleh dikenakan cukai yang kemudiannya; dan

(b) Kesultanan Oman –

- (i) berkaitan dengan cukai-cukai yang ditahan mengikut sumber: bagi amaun yang dibayar atau dikreditkan pada atau selepas hari pertama bulan Januari pada tahun kalendar sejurus selepas tahun notis penamatan itu diberikan; dan
- (ii) berkaitan dengan cukai-cukai lain: bagi mana-mana tahun yang boleh dikenakan cukai yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari pada tahun kalendar sejurus selepas tahun notis penamatan itu diberikan.

#### **Protokol**

Pada masa menanda tangani Perjanjian di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kesultanan Oman bagi Pengelakan Cukai Dua Kali dan Pencegahan Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai-Cukai ke atas Pendapatan (selepas ini disebut sebagai "Perjanjian itu"), wakil-wakil yang bertandatangan di bawah ini telah bersetuju dengan peruntukan-peruntukan Protokol ini yang berikut yang merupakan bahagian yang melengkapkan Perjanjian itu.

1. Merujuk kepada perenggan 1 Perkara 4 dari Perjanjian itu, Dana Rizab Am Negara Kesultanan Oman, yang dimiliki dan dikawal secara benefisial oleh Kesultanan Oman, hendaklah dianggap sebagai pemastautin Kesultanan Oman bagi maksud-maksud Perjanjian itu.
2. Peruntukan-peruntukan Perkara 25 dari Perjanjian itu tidak akan dilaksanakan sepenuhnya oleh Kesultanan Oman sehingga Kesultanan Oman menyelaraskan kadar-kadar cukai yang dikenakan kepada perusahaan-perusahaan yang menjalankan kegiatan-kegiatan di Kesultanan Oman

Diperbuat pada hari ini 14 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 15 haribulan Oktober, 2008, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

PEHIN ORANG KAYA PEKERMA JAYA  
DATO PADUKA HAJI JUDIN BIN HAJI ASAR  
Setiausaha kepada Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.